

PENGAJIAN AM (900/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 43 457 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 52.58% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.7	6.96	12.53	10.29	5.92	5.31	5.87	6.95	4.16	9.52	26.80

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya mutu jawapan dan prestasi pencapaian calon adalah sederhana dan kurang memuaskan. Prestasi jawapan calon dalam Bahagian A adalah kurang baik. Sebahagian besar calon gagal menjawab soalan dalam bahagian ini dengan baik. Calon tidak dapat mempersembahkan jawapan mengikut kehendak skema jawapan, terutamanya dari aspek fakta. Begitu juga bagi soalan yang memerlukan calon berfikir secara kritis dan kreatif bagi menjawab soalan yang mengandungi unsur berfikir aras tinggi. Calon tidak memahami konsep asas bagi soalan yang dikemukakan. Secara umumnya, mutu jawapan calon dalam bahagian A boleh dikategorikan sebagai tidak menepati piawai yang diharapkan.

Dalam Bahagian B pula, kebanyakan calon dapat menentukan media dengan tepat dan dapat menguasai teknik menghasilkan graf dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak dapat menyiapkan media dengan sempurna. Hal ini menunjukkan kemahiran menganalisis dan mentafsirkan maklumat masih belum dapat dikuasai sepenuhnya oleh calon. Hal ini juga menggambarkan pengurusan masa untuk menjawab soalan adalah kurang baik. Kecuaian dalam menghasilkan jawapan telah menyebabkan calon tidak mendapat markah yang baik. Penghasilan dan kekemasan media yang dihasilkan oleh calon masih tidak mencapai tahap kualiti yang diharapkan. Malah, terdapat juga calon yang menggunakan lorekan bagi menggantikan teknik mewarna. Kecuaian calon yang lain adalah dari aspek kesalahan dalam menulis tajuk atau tajuk tidak lengkap, label di paksi X dan Y tidak lengkap, salah unit di paksi Y dan tidak dapat menyiapkan media dengan sempurna.

Dalam Bahagian C, kebanyakan calon tidak berupaya mengemukakan lima idea yang relevan seperti yang dikehendaki. Kebanyakan calon tidak mampu mengemukakan idea dengan tepat menyebabkan idea jawapan yang dihasilkan oleh calon menyeleweng. Di samping itu, hanya segelintir calon yang mampu mengemukakan idea yang relevan tetapi huraian idea yang dikemukakan oleh calon kurang jelas menyebabkan huraian calon tidak relevan. Kesalahan yang ketara dilakukan oleh calon adalah mengemukakan idea yang tidak berfokus kepada kehendak soalan yang dikemukakan. Sebagai contoh, bagi soalan 7, iaitu "manfaat yang diperoleh masyarakat dan negara hasil daripada perkembangan industri penjagaan kesihatan", calon tidak dapat memberikan idea utama dengan tepat dan gagal menghuraikan idea dengan baik. Secara umumnya boleh dikatakan bahawa, kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan sebagaimana yang dikehendaki dan memberikan jawapan yang menyeleweng daripada skema jawapan yang diperuntukkan.

Dari aspek bahasa, penguasaan bahasa kebanyakan calon kurang memuaskan. Pelbagai kesalahan bahasa dapat dikesan, antaranya termasuklah binaan ayat yang kurang mantap. Banyak calon yang membuat kesalahan ayat dan menyebabkan markah bahasa calon terjejas. Dari segi ayat, aspek kesalahan yang banyak dilakukan oleh calon ialah ayat yang tidak mempunyai komponen yang lengkap, iaitu tiada subjek, predikat, atau ayat tergantung. Selain itu, terdapat calon yang menggunakan ayat yang panjang sehingga menjejaskan maksud, ayat yang berunsur lisan, ayat yang ideanya tidak jelas, dan ayat yang sukar difahami maksudnya. Sebahagian besar calon melakukan kesalahan ejaan, tanda baca, struktur ayat, dan tatabahasa dalam jawapan yang diberikan.

Dari segi perancangan, didapati bahawa sebahagian besar calon tidak berbuat demikian. Sebaliknya, calon menulis esei secara spontan. Hal ini ketara melalui penulisan esei yang mengandungi idea dan huraian yang berulang, bertindih antara satu idea dengan idea yang lain, idea yang kabur maksudnya, idea yang tidak relevan dengan kehendak soalan, dan idea yang berkisar kepada satu-satu aspek sahaja. Selain itu, terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan secara mendalam. Sebaliknya, calon melihat isu yang terdapat dalam soalan dan cuba menulis dengan persepsi mereka secara umum. Terdapat kecenderungan calon menulis esei dengan jumlah perkataan yang kurang daripada jumlah minimum yang dikehendaki, iaitu kurang daripada 300 patah perkataan. Perancangan masa yang tidak baik juga berlaku ketika calon menjawab soalan alih bentuk komunikasi.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Soalan Struktur

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga kesan sekiranya rakyat Malaysia berpegang teguh kepada agama dan kepercayaan masing-masing. Secara umumnya, jawapan calon bagi soalan ini adalah kurang memuaskan. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini tidak dapat memberikan idea dengan baik bagi memenuhi kehendak tugas soalan. Soalan ini memerlukan calon menyenaraikan idea sahaja dan tidak perlu disertakan dengan huraian berdasarkan idea yang diberikan. Kebanyakan calon menghasilkan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Tahap pengetahuan calon terhadap topik yang disoal adalah lemah berdasarkan jawapan yang diberikan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah, seperti wujudnya perpaduan, masalah sosial berkurangan, jenayah berkurangan, ekonomi akan berkembang, wujudnya masyarakat bermoral atau beretika atau berdisiplin atau berakhlak, wujudnya negara yang aman atau harmoni, dan jati diri atau keperibadian meningkat.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyenaraikan empat faktor yang melambatkan pencapaian hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika di Malaysia. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang memuaskan terhadap soalan ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat memberikan idea dengan baik bagi memenuhi kehendak tugas soalan dan aspek yang diutarakan tidak memuaskan. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah, seperti pengaruh media komunikasi atau media massa, sikap yang mengutamakan kemewahan atau materialistik, pengaruh negatif masyarakat, penguatkuasaan undang-undang yang longgar, kepincangan sosial dalam masyarakat, kurangnya pegangan agama atau kepercayaan agama, dan pengaruh budaya asing.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat strategi untuk melahirkan masyarakat saintifik dan progresif di Malaysia. Kebanyakan calon gagal memberikan idea yang relevan terhadap kehendak

soalan ini. Dikenalpasti juga bahawa sebahagian besar calon mempunyai pengetahuan yang terhad terhadap topik yang dikemukakan dalam soalan dan memberikan jawapan tidak tepat. Antara jawapan yang sepatutnya calon berikan adalah, seperti mengadakan projek Koridor Raya Multimedia, memperbanyakkan sekolah bestari, memantapkan mata pelajaran teknologi maklumat, menambahkan pusat pendidikan teknik dan vokasional, menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, meningkatkan industri berteknologi tinggi, dan meningkatkan kemahiran penggunaan komputer atau ICT.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memberikan empat bidang keberhasilan utama (NKRA) dalam program mentransformasikan kerajaan berdasarkan bidang-bidang yang dinyatakan dalam soalan, iaitu Pendidikan, Pertahanan, Pengangkutan, Rasuah, Jenayah, dan Luar Bandar. Sebahagian besar calon dapat mengemukakan jawapan yang baik dan memuaskan terhadap soalan yang dikemukakan. Kebanyakan calon dapat memberikan idea yang tepat dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Ini menunjukkan bahawa majoriti calon menguasai topik yang ditanya dalam soalan. Hanya sebilangan kecil calon yang tidak dapat mengutarakan idea dengan tepat. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah jenayah, rasuah, pendidikan, luar bandar, dan pengangkutan.

BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan perbelanjaan pembangunan kerajaan Malaysia mengikut sektor bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2012. Jawapan yang tepat ialah graf bar kompaun dan graf alternatif yang boleh dikemukakan sebagai jawapan ialah graf garis kompaun. Secara umumnya, kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik dan memuaskan terhadap soalan ini. Kebanyakan calon dapat menyiapkan graf yang tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Terdapat segelintir calon mengemukakan jawapan yang salah dengan menghasilkan media yang tidak menepati kehendak soalan, seperti graf bar komponen dan piramid komponen. Terdapat calon yang tidak dapat menyediakan jadual persediaan dengan baik selain daripada tidak dapat menyiapkan penghasilan graf yang dikehendaki. Walaupun calon berjaya menghasilkan media yang tepat, namun terdapat juga calon yang melakukan kesilapan yang ketara dan menyebabkan calon tidak mendapat markah yang baik. Kebanyakan calon melakukan kesilapan teknikal yang menyebabkan pemotongan markah yang banyak terhadap jawapan yang dikemukakan. Kesilapan teknikal yang dilakukan oleh calon yang lain, seperti tidak menjarakkan bar daripada paksi Y, iaitu tidak seragam, tersalah memilih media atau tajuk tidak lengkap atau salah tajuk, sumber tidak lengkap, tidak menulis angka tahun di paksi X, salah atau tiada unit di paksi, salah nilai di paksi Y, salah menulis label atau tiada label atau label tidak lengkap di paksi X dan Y, tiada petunjuk dan salah aplikasi (tahun dijadikan petunjuk). Namun begitu, terdapat juga calon yang mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik ketika menghasilkan graf tersebut, bahkan terdapat calon yang menggunakan kaedah melorek sebagai menggantikan teknik mewarna pada media yang dihasilkan.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratusan perubahan bilangan kenderaan bermotor yang didaftar dari tahun 2009 hingga tahun 2010. Jawapan yang tepat ialah graf bar memesong. Secara umumnya, jawapan calon bagi soalan ini adalah kurang memuaskan. Kebanyakan calon tidak dapat menyiapkan graf yang dikehendaki dan melakukan kesilapan teknikal dalam penghasilan media. Antara kesalahan yang ketara dilakukan oleh calon adalah menghasilkan media yang salah, seperti graf piramid kompaun, graf histogram, graf bar kompaun, dan graf bar

komponen. Kebanyakan calon juga tidak menyediakan jadual persediaan dengan baik selain tidak dapat menyiapkan graf yang dikehendaki. Kebanyakan calon melakukan kesilapan teknikal semasa menghasilkan graf, seperti tidak menjarakkan bar daripada paksi Y, iaitu tidak seragam, tersalah memilih media, tidak menulis maklumat di paksi X, tiada unit dipaksi, salah nilai di paksi Y, salah menulis label atau tiada label atau label tidak lengkap di paksi X dan Y, serta tiada petunjuk. Terdapat juga calon yang mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik ketika menghasilkan graf tersebut, bahkan terdapat calon yang menggunakan simbol dan lorekan sebagai pengganti kepada teknik mewarna media yang dihasilkan. Pengurusan masa dalam menjawab soalan ini kelihatan tidak terurus kerana banyak kesilapan yang dilakukan oleh calon.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan manfaat yang diperoleh masyarakat dan negara hasil daripada perkembangan industri penjagaan kesihatan yang diberikan keutamaan oleh kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan baik terhadap soalan ini dan gagal memberikan idea, serta huraian yang kurang baik. Sebagai contohnya, calon dapat memberikan idea dengan tepat tetapi gagal menghuraikannya dengan baik. Tahap pengetahuan dan huraian kepada idea yang dihasilkan oleh calon juga boleh dikategorikan sebagai lemah. Hanya segelintir calon yang dapat mengemukakan idea dan huraian dengan tepat. Calon sepatutnya menghuraikan idea manfaat industri penjagaan kesihatan kepada masyarakat dan negara, seperti menjana pendapatan negara atau individu atau masyarakat, menambah peluang pekerjaan, meningkatkan pelancongan kesihatan, melahirkan tenaga pakar dalam bidang kesihatan, menggiatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kesihatan, menambah baik tahap kesihatan penduduk, meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, dan meningkatkan imej negara.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kejadian banjir yang melanda di beberapa kawasan di Malaysia menyebabkan kesukaran kepada penduduk setempat. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal mengemukakan idea dan huraian yang baik. Sebagai contohnya, calon memberikan idea kesan banjir terhadap penduduk, punca kejadian banjir, dan juga langkah untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di negara ini yang menyebabkan jawapan calon boleh dikategorikan sebagai jawapan yang tidak relevan dan menyeleweng. Sebahagian kecil calon dapat menjawab soalan ini namun calon hanya dapat membincangkan idea yang terhad. Kebanyakan calon menghasilkan jawapan yang tidak relevan. Sebahagian besar calon mengemukakan idea kesan negatif banjir sedangkan yang dikehendaki oleh soalan adalah kesukaran yang dialami oleh penduduk setempat akibat banjir.

Tahap pengetahuan dan huraian kepada idea yang dihasilkan oleh calon boleh dikategorikan sebagai lemah. Sebahagian besar calon hanya membincangkan huraian idea dan menjadikan huraian idea sebagai idea utama. Hanya segelintir calon yang dapat mengemukakan idea dengan tepat tetapi huraian yang dihasilkan masih tidak memuaskan atau kurang jelas. Calon sepatutnya membincangkan idea kesukaran yang dialami sewaktu kejadian banjir melanda, seperti keselamatan penduduk terancam, perhubungan terputus, sesi persekolahan terjejas, sukar mendapat rawatan, kerosakan atau kemusnahan harta benda, menjejaskan aktiviti harian, menjejaskan kegiatan ekonomi, gangguan perkhidmatan elektrik atau komunikasi atau air, dan kesukaran mendapatkan bekalan makanan.

BAHASA MELAYU (910/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 27 610 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 62.86% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.96	6.40	5.42	9.69	11.17	8.24	12.98	4.47	8.18	3.71	20.78

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	11	A	21	A
2	D	12	B	22	C
3	D	13	B	23	D
4	D	14	B	24	A
5	D	15	A	25	D
6	A	16	C	26	D
7	B	17	D	27	A
8	D	18	C	28	C
9	B	19	C	29	B
10	B	20	A	30	A

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi penggal ini adalah sederhana. Terdapat 42 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah. Terdapat lima orang calon yang mendapat markah yang terendah, iaitu satu markah.

Calon mendapati bahawa soalan 12, 14, dan 20 merupakan soalan beraras mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

Komen soalan demi soalan

Soalan 28

Soalan ini memerlukan calon mengenal pasti ayat majmuk keterangan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah C, iaitu: Kita mendapat banyak pengetahuan dengan membaca. Sebanyak 37.3 peratus calon yang berprestasi tinggi memilih opsiyen C sebagai jawapan. Namun demikian, terdapat sebanyak 5.9 peratus calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan, iaitu: Tidak wajar untuk kita menolak permohonannya itu. Jawapan ini tidak tepat kerana kata 'untuk' dalam ayat tersebut bukan merupakan kata hubung keterangan, sebaliknya ia merupakan kata hubung komplemen.

Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam bahagian A memuaskan.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah amat sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar calon mendapat markah yang rendah untuk bahagian ini. Ada segelintir calon yang cemerlang yang dapat menjawab soalan dengan tepat dan memperoleh markah yang baik. Terdapat juga calon yang tidak mendapat sebarang markah. Kelemahan calon yang ketara ialah calon gagal memberikan jawapan yang bertepatan dengan kehendak soalan. Calon tidak teliti dan masih mengagak-agak dalam memberikan jawapan. Di samping itu, ada calon yang membiarkan ruang jawapan yang disediakan itu kosong. Hal ini menunjukkan bahawa calon berkenaan langsung tidak mencuba untuk menjawab soalan tersebut. Selain itu, ramai juga calon yang cuba menjawab tetapi jawapan yang diberikan itu salah. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat sebarang markah.

Calon berprestasi tinggi membuat persediaan secukupnya untuk menghadapi peperiksaan. Mereka dapat menjawab soalan dengan tepat. Oleh hal yang demikian, mereka memperoleh markah yang tinggi dalam bahagian ini. Calon yang lemah nyata sekali tidak bersedia dan tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang aspek tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka gagal memberikan jawapan yang betul walaupun soalan menanyakan aspek yang paling asas dalam bidang morfologi dan sintaksis.

Punca kelemahan calon yang nyata sekali ialah mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang aspek tatabahasa. Calon sukar untuk mengingat sesuatu istilah dengan tepat. Hal ini menyebabkan mereka menggunakan istilah-istilah yang tidak wujud dan tidak bermakna. Ia dapat dilihat dalam kebanyakan jawapan calon. Selain itu, ketidakfahaman calon terhadap konsep asas dalam morfologi dan sintaksis serta ketidakmampuan mereka mengaplikasikan konsep dalam konteks tertentu menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah untuk sesetengah soalan.

Ada calon yang memberikan jawapan secara sembarangan berdasarkan apa-apa sahaja yang diingati oleh mereka secara spontan. Ada juga calon yang memberikan jawapan secara tidak serius. Jawapan tersebut nyata salah, dan hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah. Calon juga didapati tidak membaca soalan dengan teliti. Kesannya, mereka memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Dari segi binaan ayat dalam jawapan, kebanyakannya adalah tidak gramatis. Ramai calon tidak dapat membina ayat yang betul dari segi tatabahasa, dan tepat dari segi maknanya.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

Soalan 31 terbahagi kepada dua, iaitu 31(a) dan 31(b), berdasarkan pernyataan yang berikut:

X ialah unit tatabahasa yang paling kecil yang mempunyai makna.

Soalan 31 (a) menghendaki calon menamakan X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “morfem”. Banyak calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada calon yang memberikan jawapan “kata”. Jawapan ini salah. Selain itu, ada calon yang salah mengeja istilah, iaitu istilah “morfem” dieja sebagai “mofem”, “mofen”, dan “morfon”.

Soalan 31(b) menghendaki calon menyatakan satu jenis X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “morfem bebas” atau “morfem terikat”. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, ada segelintir calon yang memberikan jenis atau pecahan morfem terikat sebagai jawapan, iaitu “morfem terikat terbahagi”, “morfem terikat satuan”, dan “morfem terikat kompleks”. Jawapan sebegini tidak tepat kerana soalan hanya meminta calon memberikan jenis morfem dan bukan jenis morfem terikat. Selain itu, ada segelintir calon yang memberikan istilah “alomorf”, “kata”, “klausa”, dan “morfologi” sebagai jawapan. Ada juga calon yang memberikan contoh perkataan untuk soalan ini, seperti “makan”, “rumah”, dan “datang”. Jawapan sebegini nyata salah dan calon diberikan 0 markah.

Soalan 32

Soalan 32 terbahagi kepada dua, iaitu 32(a)(i), (ii) dan 32(b), berdasarkan petikan yang berikut:

Kesan penggunaan komputer begitu banyak, terutamanya kepada orang yang terlalu kerap menggunakannya. Penggunaan komputer secara berlebihan boleh menjejaskan kesihatan. Jika seseorang sering menekan tetikus dan menatap komputer terlalu lama, ia boleh mengalami sakit belakang. Mata juga boleh mengalami masalah jika tumpuan pandangan terlalu terarah kepada monitor komputer dengan lamanya. Ada juga yang mengatakan bahawa penggunaan komputer secara berlebihan boleh membawa penyakit yang serius kerana pancaran cahaya monitor komputer mengandungi radiasi.

Soalan 32(a)(i) menghendaki calon menamakan bentuk kata bagi perkataan yang berhuruf condong. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

<i>Perkataan</i>	<i>Bentuk kata</i>
Berlebihan	Kata terbitan
Tetikus	Kata ganda
Monitor komputer	Kata majmuk

Banyak calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat menamakan bentuk kata dengan betul. Untuk kata “berlebihan” misalnya, ada calon yang menamakannya sebagai “kata berimbunan” dan “kata apitan”. Untuk kata “tetikus”, ada yang menamakannya sebagai “kata akronim”, dan untuk kata “monitor komputer” pula, calon yang lemah menamakannya sebagai “kata nama” dan “kata dasar”. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan “kata berimbunan”, “gandaan”, dan “pemajmukan”. Hal ini menunjukkan bahawa jawapan calon bercampur aduk antara jenis kata dengan jenis proses morfologi yang dialami oleh perkataan itu, sehingga ada calon yang memberikan jawapan “pengimbunan”, “pemajmukan” dan “penggandaan”.

PENGAL 2



Soalan 32(a)(ii) menghendaki calon memberikan golongan kata bagi perkataan yang bergaris. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

<i>Perkataan</i>	<i>Golongan kata</i>
Banyak	Kata adjektif
Terlalu	Kata tugas
Radiasi	Kata nama

Banyak calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, ada calon yang memberikan jenis bagi sesuatu golongan kata. Contohnya, kata “banyak” dikatakan sebagai “kata bilangan”, iaitu jenis kepada “kata tugas”. Ada calon yang memberikan “kata dasar dan pemajmukan” sebagai jawapan. Kata “terlalu” dikatakan sebagai “kata penguat”. Selain itu, ada calon yang mengkategorikannya sebagai “kata kerja”. Untuk perkataan “radiasi” pula, kebanyakan calon memberikan jawapan yang tepat, iaitu “kata nama”. Namun demikian, ada juga calon yang menamakannya sebagai “kata tunggal”, “kata adverba”, “kata hubung”, dan “kata pinjaman”. Kelemahan calon yang lain ialah calon memberikan jawapan yang tidak lengkap, seperti “kerja”, “adjektif”, “majmuk”, “terbitan”, “tunggal”, dan “tugas”. Mereka menggugurkan perkataan “kata” dengan andaian bahawa jawapan sedemikian sudah mencukupi dan menepati kehendak soalan. Calon seharusnya menjawab dengan memberikan istilah yang lengkap supaya jelas dan tidak dipersoalkan ketepatannya.

Soalan 32(b) menghendaki calon menyatakan jenis ayat majmuk yang berikut:

Mata juga boleh mengalami masalah jika tumpuan pandangan terlalu terarah kepada monitor komputer dengan lamanya.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “ayat majmuk pancangan keterangan”. Banyak calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Namun demikian, ada juga calon yang memberikan jawapan yang salah, seperti “ayat majmuk pancangan”, “ayat majmuk campuran”, dan “ayat majmuk gabungan”. Selain itu, ada calon yang memberikan istilah yang tidak wujud, seperti “ayat majmuk kompleks terikat” dan “ayat aktif transitif berpenerang”.

Soalan 33

Soalan 33 terbahagi kepada tiga, iaitu 33(a), 33(b), dan 33(c), berdasarkan petikan yang berikut:

Banyak negara di dunia menghadapi masalah penyeludupan. Masalah ini kerap berlaku di sempadan. Oleh itu, kawalan di sempadan perlu ditingkatkan.

Soalan ini menghendaki calon menulis

- (a) frasa kerja tak transitif
- (b) frasa kerja transitif
- (c) frasa kerja pasif

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah

- (a) kerap berlaku di sempadan
- (b) menghadapi masalah penyeludupan
- (c) perlu ditingkatkan



Hanya segelintir calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Calon berprestasi tinggi dapat membezakan frasa kerja tak transitif, frasa kerja transitif, dan frasa kerja pasif, serta memberikan contoh daripada petikan. Calon yang lemah pula gagal berbuat demikian. Majoriti calon menulis ayat. Contoh jawapan calon adalah seperti berikut:

- (a) Masalah ini kerap berlaku di sempadan.
 - (b) Banyak negara di dunia menghadapi masalah penyeludupan.
 - (c) Oleh itu, kawalan di sempadan perlu ditingkatkan.
- Jawapan sebegini menyebabkan calon mendapat 0 markah.

Banyak calon yang memberikan jawapan yang tidak lengkap. Contohnya:

- (a) berlaku
- (b) menghadapi
- (c) ditingkatkan

Jawapan yang tidak lengkap sebegini tidak diberikan sebarang markah.

Selain itu, ada juga calon yang memberikan frasa mereka sendiri. Ada juga calon yang tidak dapat membezakan ketiga-tiga jenis frasa kerja itu. Hal ini menyebabkan jawapan mereka bertukar tempat, seperti yang berikut:

- (a) menghadapi masalah di sempadan
- (b) berlaku di sempadan
- (c) kerap berlaku

Jawapan sebegini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai tajuk frasa.

Soalan 34

Soalan ini terbahagi kepada tiga, iaitu 34(a)(i), (ii), 34(b), dan 34(c), berdasarkan ayat yang diberikan dalam rangsangan soalan:

Untuk pelajar-pelajar melakukan pekerjaan itu amat mustahil.

Soalan 34(a) menghendaki calon menulis

- (i) klausa bebas
- (ii) klausa tak bebas

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah:

- (i) perkara amat mustahil
- (ii) untuk pelajar-pelajar melakukan pekerjaan itu

Soalan 34(b) memerlukan calon mengenal pasti jenis ayat majmuk yang diberikan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah ayat majmuk pancangan komplemen.

Soalan 34(c) pula menghendaki calon menyatakan susunan konstituen ayat tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah susunan biasa.

Prestasi calon untuk soalan ini amat lemah. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab soalan 34(b) dengan betul. Untuk soalan 34(a) dan 34(c) pula, kebanyakan calon memberikan jawapan yang salah. Kelemahan calon yang ketara ialah calon tidak dapat mengenal pasti klausa bebas yang terdapat dalam ayat majmuk pancangan komplemen frasa nama subjek, iaitu "perkara itu amat mustahil". "Perkara itu" merupakan subjek, yang kemudiannya diisi oleh klausa komplemen "untuk pelajar-pelajar melakukan pekerjaan itu". Calon memberikan jawapan klausa bebas bagi ayat itu ialah "pekerjaan itu amat mustahil". Klausa ini sebenarnya tidak mempunyai makna yang jelas. Mereka mengambil objek dalam klausa tak bebas, iaitu "pekerjaan itu" dan menjadikannya sebagai subjek bagi klausa bebas.

PENGGAL 2

Hal ini sebenarnya salah. Oleh sebab klausa tak bebas dihadirkan kemudian, maka klausa bebasnya perlu terlebih dahulu diberikan subjek dengan sesuatu yang umum, seperti “sesuatu itu”, “hal itu”, atau “perkara itu”. Banyak juga calon yang memberikan jawapan “amat mustahil” atau “itu mustahil” sebagai klausa bebas, sedangkan binaan itu ialah frasa. Bagi soalan 34(a)(ii) pula, banyak calon dapat menjawabnya dengan betul. Namun demikian, ada juga calon yang memberikan jawapan yang salah, seperti “melakukan pekerjaan itu”, “pelajar-pelajar melakukan”, dan “untuk pelajar-pelajar melakukan” sebagai klausa tak bebas. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang terbalik antara klausa bebas dengan klausa tak bebas. Kelemahan calon yang lain yang juga merugikan calon dari segi pemarkahan ialah mereka tidak tahu cara atau teknik menulis klausa. Mereka memulakannya dengan huruf besar dan mengakhiri binaan itu dengan noktah.

Bagi soalan 34(b), banyak calon dapat memberikan jawapan yang betul. Hal ini disebabkan mereka dapat mengenal pasti ayat itu sebagai ayat majmuk komplemen kerana adanya kata hubung komplemen “untuk” pada awal ayat berkenaan. Namun demikian, ada juga calon yang mengkategorikan ayat itu sebagai “ayat keterangan” kerana ayat keterangan juga ada yang menggunakan kata hubung “untuk”. Selain itu, ada juga calon yang memberikan istilah yang salah, misalnya ayat itu dikatakan sebagai “ayat majmuk komplementasi” dan “ayat majmuk frasa nama sebagai objek”.

Bagi soalan 34(c), tidak banyak calon dapat menjawabnya dengan betul. Kebanyakan calon menganggap bahawa ayat itu ialah “ayat susunan songsang”. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang jauh tersasar daripada konsep tatabahasa yang sebenar, misalnya mereka memberikan jawapan “ayat susunan bebas”, “ayat konstituen”, “ayat vokal”, dan “ayat pendepanan klausa tak bebas dalam penerbitan ayat”. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan “FN+FN” dan “FN+FK”. Ada juga calon yang menunjukkan binaan atau susunan golongan kata atau jenis kata bagi setiap perkataan dalam ayat itu, misalnya KB+KN+KK=KN+KT tunjuk+KB+KA. Ada calon yang menunjukkan susunan binaan ayat itu dengan cara melukis rajah konstituen terdekat. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak mengetahui konsep sebenar susunan konstituen ayat.

Soalan 35

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 35(a) dan 35(b), berdasarkan ayat yang diberikan dalam rangsangan soalan:


Kami belum menonton filem terbaharu itu.

Soalan 35(a) memerlukan calon menukarkan ayat tersebut kepada ayat pasif. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “Filem terbaharu itu belum kami tonton.” Pada asalnya, ayat ini merupakan ayat aktif yang subjeknya ialah kata ganti nama diri orang pertama, iaitu “kami”. Calon yang memahami konsep ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama dapat mengubah ayat aktif itu dengan betul. Mereka dapat mengenal pasti subjek ayat dalam binaan ragam aktifnya dengan tepat, iaitu kata ganti nama diri orang pertama jamak “kami”. Oleh itu, mereka dapat mengubah ayat itu kepada bentuk ragam pasif dengan tepat. Calon yang lemah pula mengubah ayat aktif itu kepada bentuk ayat pasif kata ganti nama diri orang ketiga, iaitu “Filem terbaharu itu belum ditonton oleh kami.” Mereka tidak tahu bahawa bagi ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama, kata sendi nama “oleh” tidak boleh digunakan, kecuali jika kata kerjanya ialah kata kerja berimbuhan *ter-*. Selain itu, calon juga melakukan kesalahan dengan menyisipkan kata bantu antara kata nama dengan kata kerja. Hal ini menyebabkan ayat yang terbina ialah “Filem terbaharu itu kami belum tonton”. Contoh kesalahan jawapan yang lain ialah “Filem terbaharu itu belum kami tontoni.”, “Kami belum tonton filem terbaharu itu.”, “Belum ditonton oleh kami filem terbaharu itu.”, dan “Filem terbaharu itu belum kami menonton.”

Soalan 35(b) menghendaki calon menyongsangkan ayat pasif yang dibina dalam soalan 35(a). Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “Belum kami tonton filem terbaharu itu.” Pada umumnya, calon yang menjawab soalan 35(a) dengan betul dapat menjawab soalan 35(b) dengan betul juga. Namun demikian, ada calon yang memberikan jawapan terbalik. Mereka membina ayat pasif songsang untuk soalan 35(a) dan membina ayat pasif susunan biasa untuk soalan 35(b). Selain itu, ada calon yang membina ayat pasif yang keseluruhan binaannya salah, contohnya “Filem terbaharu itu oleh kami belum tertonton.”, “Filem terbaharu itu kami belum lagi menonton.”, “Belum menonton kami filem terbaharu itu.”, “Belum kami menonton filem terbaharu itu.”, dan lain-lain.

Soalan 36

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 36(a)(i), (ii) dan 36(b) berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan 36(a) menghendaki calon menyatakan jenis ayat bagi

- (i) X
- (ii) Y

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah

- (i) X: Ayat penyata
- (ii) Y: Ayat seruan

Banyak calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Rajah yang diberikan dapat membantu calon mengingat jenis-jenis ayat. Namun demikian, ada calon yang memberikan jawapan yang salah. Contoh jawapan calon ialah “ayat dasar”, “ayat majmuk”, “ayat nafi”, “ayat keterangan”, “ayat suruhan”, “ayat minimal”, dan “ayat permintaan”. Ada juga calon yang menamakan ayat berkenaan dengan istilah yang tidak wujud, misalnya “ayat sendi nama tunggal”, “ayat perbuatan”, dan “ayat ganda”. Mereka tidak dapat mengenal pasti bahawa Y ialah ayat penyata walaupun telah diberikan contoh yang jelas.

Soalan 36(b) menghendaki calon membina satu ayat bagi Y. Kebanyakan calon dapat membina ayat yang betul bagi Y, iaitu ayat seruan. Namun demikian, calon yang gagal menjawab soalan 36(a)(ii) juga tidak dapat menjawab soalan 36(b). Mereka memberikan contoh bagi ayat yang dinyatakan dalam jawapan bagi soalan 36(a)(ii). Sebagai contoh, jika mereka memberikan jawapan “ayat nafi” untuk soalan 36(a)(ii), maka untuk soalan 36(b), mereka memberikan contoh ayat nafi. Selain itu, terdapat calon yang membina ayat seru yang tidak sesuai, contohnya “Hello, ambil buku ini!”, “Tuhanku, berilah aku rahmat!”, “Hai, comelnya bayi kamu!”, “Cis, jahatnya perempuan itu!” (kata seru tidak sesuai), “Aduh! Sakitnya kakiku.” (kata seru diletakkan selepas tanda seru), dan “Wah, cantiknya pemandangan di situ.” (tiada tanda seru). Selain itu, ada calon yang memberikan contoh ayat seruan tanpa kata seru dan tanda seru. Hal ini menjadikan ayat yang dibina itu sebagai ayat penyata sahaja.

Soalan 37

Soalan ini memerlukan calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Teks yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Isu penyelewengan subsidi petrol dan diesel mendapat liputan yang meluas kebelakangan ini. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa menunjukkan jumlah rampasan bahan api berkenaan yang direkodkan di seluruh negara sepanjang tahun lalu telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan telah melancarkan operasi bersama-sama pelbagai agensi kerajaan untuk membanteras perkara ini. Melalui tindakan tersebut, pihak berkuasa juga telah berjaya membawa pihak berkenaan ke muka pengadilan untuk dikenakan tindakan undang-undang. Tindakan tegas ini bukan sahaja untuk mengelakkan pengguna daripada terus ditindas sebaliknya untuk memastikan semua pihak lebih bertanggungjawab.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Sebab kesalahan</i>	<i>Pembetulan</i>
(a)	Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, menunjukkan...	Kesalahan ayat tergantung tanpa subjek.	Laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa menunjukkan...
(b)	...berbanding tahun sebelumnya.	Tidak menggunakan kata sendi nama "dengan" untuk menunjukkan perbandingan.	...berbanding dengan tahun sebelumnya.
(c)	...bukan sahaja untuk mengelakkan pengguna daripada terus ditindas tetapi untuk memastikan semua pihak...	Kesalahan tidak menggunakan kata hubung berpasangan yang lengkap.	...bukan sahaja untuk mengelakkan pengguna daripada terus ditindas tetapi juga untuk memastikan semua pihak...
(d)	Tindakan tegas ini bukan sahaja...	Klausa tiada predikat	Tindakan tegas ini perlu diambil bukan sahaja...

Respon calon terhadap soalan ini amat lemah. Segelintir calon hanya dapat mengesan kesalahan ketiga, menyatakan sebab kesalahan, dan kemudian membuat pembetulannya dengan tepat. Ada calon yang dapat mengesan kesalahan kedua tetapi mereka gagal menjelaskan sebab kesalahannya. Untuk kesalahan pertama dan keempat, tiada calon dapat mengesannya. Kelemahan calon yang utama ialah mereka tidak dapat menjelaskan sebab sesuatu kesalahan yang dikesan. Banyak calon yang mengosongkan ruang jawapan untuk sebab kesalahan. Ada calon yang cuba menjawabnya tetapi jawapan yang diberikan salah.

Walaupun terdapat empat kesalahan bahasa (sepatutnya hanya tiga kesalahan) dalam petikan yang diberikan, banyak calon gagal mengenal pasti kesalahan itu, seterusnya membuat pembetulan. Kelemahan calon yang jelas adalah selain tidak dapat mengenal pasti kesalahan dengan tepat dan jelas, mereka juga tidak mampu menjelaskan sebab kesalahan. Banyak calon yang membiarkan ruang jawapan itu kosong.

Ada segelintir calon yang menyenaraikan kesalahan lebih daripada tiga dengan harapan bahawa ada antaranya merupakan jawapan yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak pasti jawapan yang sebenarnya. Walaupun kesalahan yang dikenal pasti dan disenaraikan sebagai jawapan keempat adalah betul, jawapan calon tidak akan disemak dan tidak akan diberikan sebarang markah kerana calon sepatutnya hanya mengenal pasti tiga kesalahan.

Kesalahan lain yang dilakukan oleh calon ialah mereka tidak mencatatkan bahagian yang salah dengan jelas. Mereka hanya mencatat sebahagian daripada kesalahan, misalnya “bukan sahaja”, tanpa “sebaliknya”. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah kerana bahagian kesalahan yang ditulis tidak lengkap. Selain itu, ada calon yang mencatatkan binaan yang betul sebagai kesalahan, misalnya frasa “operasi bersama-sama pelbagai” dan “sehubungan dengan itu”.

Calon juga memberikan sebab kesalahan dengan tidak lengkap dan memberikan sebab kesalahan secara umum, misalnya “ayat tergantung”, “kesalahan kata hubung”, “kesalahan perkataan”, dan “kesalahan kata sendi nama”. Ada calon yang menggunakan istilah yang salah, misalnya “frasa” disebut sebagai “ayat” dan “kata hubung berpasangan” ditulis sebagai “kata hubung gandingan”.

BAHASA ARAB (913/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 1 776 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 51.01% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.38	3.66	3.99	7.49	8.45	8.74	11.31	3.21	7.77	4.00	34.00

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada penggal ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 62 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu kosong markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Soalan 1 ialah soalan aras mudah. Soalan 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 2, 3, 4, dan 5 pula ialah soalan aras sukar.

Komen soalan demi soalan

Bahagian I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), dan (d), menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang menjawab dengan menggunakan gaya bahasa teks yang diberikan, tidak menggunakan gaya bahasa sendiri. Hal ini demikian kerana calon tersebut lemah dalam bidang *nahu* dan *saraf*. Soalan (e) pula menghendaki calon memberikan perkataan berlawanan bagi setiap perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat perkataan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat memahami maksud perkataan tersebut selain lemah dalam perbendaharaan kata.

Bahagian II: Karangan

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kebaikan bersenam atau bersukan dari sudut penjagaan kesihatan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menerangkan beberapa jenis senaman atau riadah tanpa menyatakan kesannya terhadap kesihatan pengamalnya. Hal

ini demikian kerana calon tidak faham kehendak soalan selain tidak menguasai perbendaharaan kata. Calon sepatutnya mengenal pasti beberapa contoh senaman yang biasa dilakukannya dan menerangkan kesan dan faedahnya terhadap kesihatan dirinya.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon memberikan pandangan dan cadangan terhadap program televisyen. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat memberikan isi dan idea yang tepat, jelas, dan konkrit. Antara jawapan yang diberikan calon ialah perlunya kajian semula terhadap setiap program televisyen terutamanya program yang melibatkan kanak-kanak dan remaja. Program yang berunsur seram perlu ditapis manakala program yang berunsur ganas dan lucu perlu disekat sama sekali. Hal ini difikirkan perlu bagi mengelakkan minda golongan kanak-kanak dan remaja daripada tercemar dengan unsur-unsur negatif.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kebaikan internet dari sudut pendidikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan calon ialah internet dapat memberikan banyak maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar di sekolah. Selain itu, internet juga dapat memberikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada pelajar.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menulis satu surat kepada ayahnya untuk meminta bantuan kewangan bagi membeli keperluan harian di asrama. Jawapan yang perlu dinyatakan oleh calon adalah berformatkan surat kiriman tidak rasmi dan menyatakan sekurang-kurangnya dua isi penting, iaitu; calon menulis surat kepada ayahnya dan memberitahu keperluan kewangan bagi membeli keperluan harian di asrama. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah calon dapat menulis esei berformatkan surat kiriman tidak rasmi dengan baik. Kebanyakan calon memilih soalan ini dengan anggapan bahawa ia soalan mudah, tetapi masih ramai calon yang tidak dapat memahami tugas sebenar yang dikehendaki oleh soalan ini, menyebabkan ada surat kiriman yang ditulis terkeluar dari tajuk dan kehendak sebenar tugas soalan. Kelemahan calon dalam menjawab soalan ini ialah mereka tidak memahami tugas sebenar soalan dan tidak berkemahiran menukar ayat atau gaya bahasa yang dikemukakan oleh soalan. Sebaliknya mereka hanya menyalin balik ayat dan ungkapan berkenaan dalam bentuk isi surat kiriman tanpa mengambil kira kaedah tatabahasa *sarf* dan *nahu*. Sepatutnya, calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan jawapan berupa sepucuk surat kiriman tidak rasmi seperti langkah-langkah berikut: menyatakan alamat calon (penulis) dengan jelas dan bertarikh, nama ayahnya dan alamat, bertanya khabar ayahnya, memohon bantuan kewangan daripada ayahnya bagi membeli keperluan harian di asrama, ucapan penutup surat, dan tandatangan calon.

Bahagian III: Saraf

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mengisikan tempat kosong yang diberikan dengan menggunakan *isim marrah* atau *masdar mimi* yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana calon menguasai bidang *saraf* terutamanya mengenai *isim marrah* atau *masdar mimi* selain dapat memahami makna setiap perkataan yang diberikan. Soalan (b) pula menghendaki calon memberikan kata terbitan bagi setiap kata kerja yang diberikan serta membariskannya. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima perkataan yang dikemukakan. Terdapat juga calon yang menjawab secara meneka dan tidak mengikut kaedah yang ditentukan. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami makna perkataan tersebut selain lemah dalam *saraf*.

Bahagian IV: Qawaid

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon membina ayat yang lengkap menggunakan *maf'ul fih* yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan nahu, terutamanya tajuk yang berkaitan dengan *maf'ul fih*. Selain itu, calon kelihatan tidak dapat menyesuaikan *maf'ul fih* agar sesuai dengan ayat yang dibina. Soalan (b) pula menghendaki calon membina ayat namaan menggunakan jenis-jenis khabar yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka dapat menjawab empat daripada lima soalan yang diberikan. Namun demikian, terdapat juga calon yang tertukar antara *khabar jar majrur* dan *khabar zaraf*. Hal ini demikian kerana calon kurang menguasai kaedah pembinaan ayat yang mengandungi kedua-dua unsur tersebut.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon membina ayat yang lengkap menggunakan *maf'ul liajlil* yang diberikan dalam tanda kurung. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah tulis terutamanya dari segi *taknis* dan *tazkir*. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *taknis* dan *tazkir*. Soalan (b) pula menghendaki calon mengubah ayat yang diberikan kepada *mabni lilmajhul* dan mengubah beberapa perkataan jika perlu. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *mabni lilmajhul*. Calon sepatutnya memastikan *fail* dan *maf'ul* dalam setiap ayat yang diberikan dan menyesuaikan kata kerja dengan *naib failnya*.

Bahagian V: Balaghah

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti *mushabbah* dan *mushabbah bih* dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat mengenal pasti *mushabbah* dan *mushabbah bih* bagi contoh yang diberikan dalam bentuk puisi. Soalan (b) mengenal pasti unsur *muqabalah* atau *tibaq* dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mengenal pasti perkataan yang mengandungi unsur *muqabalah* atau *tibaq* dengan menyatakannya contohnya. Soalan (c) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur *jinas* bagi perkataan yang diberikan. Walaupun soalan ini berada pada aras kemahiran tinggi, kebanyakan calon dapat mengenal pasti unsur *jinas* dengan betul. Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian *balaghah* ini dengan baik. Hal ini demikian kerana contoh ayat al-Quran dan puisi yang diberikan menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Namun demikian, terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh calon terutamanya dalam aspek ejaan.

LITERATURE IN ENGLISH (920/2)

OVERALL PERFORMANCE

In Term 2, 59 candidates sat for the examination of this subject and 54.22% of them obtained a full pass.

The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	5.08	8.47	6.78	8.47	3.39	10.17	11.86	16.95	20.34	5.08	3.39

CANDIDATES' RESPONSES

General Comments

For this Paper, candidates are required to study the plays as prescribed in the syllabus namely *Twelfth Night* by William Shakespeare and *A Raisin in the Sun* by Lorraine Hansberry. For Section A: Critical Appreciation, candidates are required to answer only one question, either the question on *Twelfth Night* or *A Raisin in the Sun*. For Sections B and C, the questions are compulsory. Candidates have to answer the question on *Twelfth Night* in Section B and the question given on *A Raisin in the Sun* in Section C. Candidates have to answer a total of three questions and each question carries 25 marks.

Candidates' language proficiency

Approximately 40% of the candidates have a fairly good command of written English and they are generally able to express themselves. However, there is a sizable number who are not very proficient, and a few candidates showed some forms of interference from their mother tongue in their use of the English language. This affects the level of their understanding of the texts studied as they are not able to grasp the lexical nuances and syntactical complexities found in many literary texts. It also affects the extent to which they are able to answer the questions. Thus, even though in general grammatical errors are not taken into consideration in the marking process; grammatical errors do have a negative impact on the meaning of the essay and examiner's grasp of the answers.

Comments on individual questions

SECTION A: Critical Appreciation

Question 1

Candidates are required to compare and contrast Orsino's and Olivia's reactions and what the two characters perceive as betrayal. For this question, candidates must identify the characters that betrayed Orsino and Olivia, and explain how and why they react the way they did to the perceived betrayals. Clarity of thoughts and ideas, and logic in arguing their case is very important to the candidates when analysing or explaining how a scene works.

Candidates are expected to respond by explaining Orsino's aggressive reaction when he first perceives Olivia as betraying him, and then shifting the blame onto Cesario when he learns that Cesario has 'married' Olivia. This is shown through the angry words and violent images he uses in his speeches. By the end of the excerpt, he appears to be more upset by Cesario's supposed betrayal than Olivia's rejection of his love.

On the other hand, Olivia displays a more muted reaction and that her language use shows that she is bewildered and hurt that Cesario denies marrying her. Yet she also takes practical action by calling the priest to confirm that she is married to the person they both take to be Cesario.

Most candidates who attempted this question were unable to fulfil the needs of the question satisfactorily. They tried to utilise the passage in their answers but did not do it in an effective manner because they submitted brief answers with little explanation or they answered using general theme(s) that is not linked to the excerpt in particular. Some candidates paraphrased the excerpt and did not address the needs of the question. Others were able to pick out the relevant words and phrases from the excerpt but were unable to provide a satisfactory explanation or analysis to accompany the examples.

Question 2

Candidates are required to compare and contrast the characters of Walter and Mama by focusing on what they consider important in life. This involves using the passage provided to pick the relevant phrases that provide clues to what the two characters feel is important in life. For example, Walter sees himself as a failure as he sees his job as menial. He is always at the beck and call of a richer and more powerful person; and he sees no hope for his future. To him, it is a blank space full of nothing. For Walter, life and success is about money, rather than self-respect.

Mama on the other hand sees Walter's job as a way of providing for the family, and thus it is not something to be ashamed of. She does not understand his obsession with money because her generation faced a more fundamental struggle for freedom. For her, success is that she and her husband managed to give the children a life free from fear or danger. But in a way, Mama's and Walter's aims are the same – both are looking to create better lives for themselves and their children.

For this question, good quality responses came from those who used the excerpt extensively in their answers by providing relevant quotes from the excerpt when they highlighted the different views held by Walter and Mama with regards to what they feel is important in life. Average to weak candidates focused on the fact that Walter and Mama come from different generations and have different views as to what they consider important. They were also able to focus on the main difference between Walter and Mama but majority of them did not provide supporting details from the excerpt.

SECTION B: William Shakespeare: *Twelfth Night*

Question 3

Candidates are required to discuss the importance of social class as depicted in the play. Candidates must identify relevant characters in the play and provide relevant proof from the text to show whether they place any importance in social class. It is the penniless nobility and lower class characters who appear obsessed with social class compared to aristocrats like Count Orsino and Lady Olivia.

On the surface, social class appears to be important to characters like Count Orsino who is pursuing Lady Olivia. As they are both from aristocracy, it appears to be appropriate; but the Count is moved primarily by 'love', not social class. In addition, he sees nothing wrong with marrying Viola – the daughter of a gentleman, not nobleman, who once served him as 'Cesario'.

Olivia also does not seem to care about social class in offering her love – and eventually marrying Cesarion/Sebastian. The same goes to Lady Olivia’s uncle, Sir Tory Belch, who marries Maria, who is Lady Olivia’s waiting woman. It is Malvolio, Lady Olivia’s steward who appears to be obsessed with social class. He erroneously begins to harbour dreams of becoming “Count Malvolio” when he becomes the victim of a vicious prank by Maria and Sir Toby, who appears upset to learn that Malvolio has thoughts about marrying above his class. However, Malvolio does not realise how ridiculous it is to harbour such a desire to marry above his class, especially when his love is not reciprocated.

Good candidates were able to give good explanations as to whether social class is important to the characters they had identified. Their answers included most of the points raised above. However, majority of the average to weak candidates were only able to identify and discuss the general characteristics of Orsino and Olivia and what they did. They did not have a good enough grasp of the play to be able to use the same points to craft an answer to the question on social class. Due to their superficial understanding of the play, they were forced to include non-relevant information based on what they remembered of the main themes of the play.

SECTION C: *Lorraine Hansberry: A Raisin in the Sun*

Question 4

Candidates are required to identify the incidents of racial discrimination, and show the cause and effect of such discrimination. In order to do this, candidates are required to show the reality of African-Americans’ lives. For example, the crowded miserable conditions they live in, the poor financial situation with many in menial jobs and reliant on their white bosses. This leads to a sense of frustration and anger, especially among the younger generation. Ruth, for example, wants to abort her baby because she cannot imagine bringing another person into their already cramped situation, and she has a sense of hopelessness that things won’t improve.

Incidences like these show the need to aspire for something better, and to break down the invisible barriers placed by the mainstream, white society. Mama and Beneatha, for example, do try to break the barriers in their own way – Mama’s dream of a better house in a white neighbourhood and Beneatha’s ambition to be a doctor. Overall, the play suggests that there is a need to stop trying to assimilate; to reclaim and take pride in African ancestry instead.

It is also important that candidates should be able to connect the plot and ideas of this play to Hansberry’s own experience as a child, with her family’s move to a white neighbourhood, the violence and the resulting court case that brought about the ruling that “restrictive covenants” (i.e. racial segregations) are illegal.

Good and excellent answers came from candidates who understood what racial discrimination is and how it can affect a person on the physical, mental and spiritual levels, and provided relevant examples from the text that is logically explicated. They would also be able to say that the events in the play are a reflection of the author’s personal experiences.

An average answer would show that the candidate could correctly identify and comment on incidences of racial discrimination. However, they were not able to explain in detail its effect(s) on the African American community, often falling back to a summary of the plot. Weak candidates often either resorted to a rehashing of the American Dream/dream deferred motive, the inclusion of non-relevant historical background information and/or a retelling of the plot, thus not quite answering the question.



KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 5 194 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 44.30% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.03	2.75	4.08	4.87	6.70	8.61	12.26	9.36	12.34	5.70	28.30

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah dapat menjawab dalam bentuk esei yang terdiri daripada pengenalan; isi yang merangkumi fakta, huraian, dan contoh; dan penutup. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah perancangan jawapan calon yang tidak menunjukkan keupayaan mereka menjawab, iaitu ada jawapan calon yang mengulang-ulang isi yang serupa. Selain itu, ada jawapan calon yang tidak menunjukkan hujahan dengan baik yang memerlukan contoh atau bukti berdasarkan teks kajian. Ini terbukti apabila kebanyakan jawapan calon tidak dapat mengenal pasti watak dan peristiwa untuk disesuaikan dengan fakta. Ada juga jawapan calon yang tidak dapat membezakan watak Sultan Mansur Syah dengan Sultan Muzaffar Syah yang menyebabkan jawapan mereka bercampur-aduk.

Soalan Bahagian A meliputi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan insan yang menjurus kepada kedudukan watak sebagai individu. Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan atau ilmu berdasarkan watak Sultan Mansur Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan Bahagian B melibatkan kajian teks sastera dalam konteks pembangunan masyarakat yang menzahirkan kedudukan watak sebagai anggota masyarakat. Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan berkaitan dengan pendidikan berteraskan agama atau budaya dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan Bahagian C pula merangkumi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan negara yang menyerlahkan kedudukan watak sebagai warganegara. Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan berkaitan dengan kegiatan perdagangan dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* atau usahawan dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Pembangunan Insan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan nilai kemanusiaan berdasarkan watak Sultan Mansur Syah dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* sepanjang tempoh baginda menjadi Raja Melaka

dalam konteks pembangunan insan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep nilai kemanusiaan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dengan baik. Walau bagaimanapun, kebanyakan huraian dan contoh yang dikemukakan oleh calon adalah umum serta tidak menampakkan kematangan mereka berfikir. Kebanyakan calon juga menghuraikan watak dan perwatakan Sultan Mansur Syah serta bukannya nilai kemanusiaan seperti kehendak soalan. Hal ini menyebabkan fakta, huraian, dan contoh yang dikemukakan oleh calon tidak jelas atau tepat. Huraian jawapan calon juga tidak dikaitkan dengan pembangunan insan. Calon sepatutnya menghuraikan nilai kemanusiaan dengan mengambil contoh berdasarkan watak Sultan Mansur Syah seperti yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan dikaitkan dengan pembangunan insan. Antara jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah mengemukakan pengenalan dengan menyatakan konsep nilai kemanusiaan, latar belakang Sultan Mansur Syah, dan isi penting yang akan dihuraikan. Pada bahagian isi, jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah raja yang adil, mendengar pandangan pembesar, menggalakkan rakyatnya menambah ilmu, tegas dalam pemerintahan, memuliakan ulama, dan sebagainya. Huraian jawapan calon hendaklah dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon hendaklah membuat rumusan atau penutup bagi jawapan tersebut secara keseluruhannya.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan ilmu yang ada pada watak Sultan Mansur Syah seperti yang tergambar dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* yang dapat dicontohi untuk mengangkat martabat diri anda. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep ilmu. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta dengan baik dan huraian yang diberikan tidak jelas. Kebanyakan huraian jawapan calon tertumpu watak dan perwatakan dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* semata-mata dan tidak dikaitkan dengan diri calon. Antara jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah mengemukakan pengenalan dengan menyatakan konsep nilai kemanusiaan, latar belakang Sultan Mansur Syah, dan isi penting yang akan dijelaskan. Pada bahagian isi, jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah ilmu siasah, ilmu pentadbiran, ilmu agama, ilmu ketenteraan, ilmu binatang, dan sebagainya. Huraian mesti dikaitkan dengan pembangunan diri calon. Akhirnya, calon hendaklah membuat rumusan atau penutup bagi jawapan tersebut secara keseluruhannya.

BAHAGIAN B: Pembangunan Masyarakat

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa pendidikan berteraskan agama penting dalam kehidupan. Calon dikehendaki membincangkan pernyataan tersebut berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendidikan berteraskan agama. Kebanyakan jawapan calon tidak tepat dan tiada kematangan dalam berhujah. Kebanyakan calon tidak dapat membincangkan kepentingan pendidikan berteraskan agama dalam kehidupan dalam konteks pembangunan masyarakat. Sebaliknya, ada sesetengah calon membincangkan kepentingan ilmu dalam kehidupan masyarakat. Kebanyakan calon juga didapati tidak dapat membezakan antara konsep pendidikan dengan ilmu. Didapati ada juga sesetengah calon yang membincangkan aspek keagamaan seperti solat, mengaji al-Quran, solat, dan sebagainya. Huraian dan contoh yang dikemukakan oleh sebahagian besar calon adalah berbentuk sinopsis dan tidak dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Antara jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah mengemukakan pengenalan dengan menyatakan konsep pendidikan dan isi penting yang akan dibincangkan. Pada bahagian isi, jawapan calon yang sepatutnya, termasuklah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan agama, mengamalkan kesederhanaan, memiliki akhlak mulia, berfikiran rasional, mematuhi ajaran agama, dan sebagainya. Perbincangan mesti dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Calon juga hendaklah membuat rumusan atau penutup bagi jawapan tersebut secara keseluruhannya.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan pandangan tentang budaya yang dapat membangunkan masyarakat berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep budaya. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dengan baik. Walau bagaimanapun, huraian jawapan calon tidak jelas. Terdapat calon yang mengemukakan isi jawapan yang menjurus kepada sinopsis cerita. Kebanyakan calon juga tidak dapat mengaitkan aspek budaya yang dapat membangunkan masyarakat. Calon sepatutnya memulakan jawapan dengan mengemukakan konsep budaya dan isi penting. Pada bahagian isi, jawapan calon yang sepatutnya termasuklah budaya gotong-royong, hormat pemimpin, sayang orang tua, suka berbudi, berziarah, bermaaf-maafan, bermuafakat, dan sebagainya. Huraian pula mesti dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Calon juga hendaklah membuat rumusan atau penutup bagi jawapan tersebut secara keseluruhannya.

BAHAGIAN C: Pembangunan Negara

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa pembangunan ekonomi Melaka banyak disumbangkan oleh kegiatan perdagangan. Calon dikehendaki menghuraikan pernyataan tersebut berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perdagangan. Kebanyakan fakta, huraian, dan contoh dalam jawapan calon tidak tepat dan tidak meyakinkan. Sebahagian besar calon menghuraikan kesan perdagangan secara umum tanpa melihat kepada Melaka secara khusus. Antara contoh jawapan calon yang tersasar, termasuklah menambah pendapatan negara, ekonomi negara stabil, membangunkan infrastruktur, dan sebagainya. Ada juga sebahagian calon menghuraikan hasil perdagangan Melaka dengan negara serantau. Dengan kata lain, calon tidak dapat menghuraikan sumbangan kegiatan perdagangan kepada pembangunan Melaka berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Calon sepatutnya memulakan jawapan dengan pendahuluan, iaitu dengan menjelaskan konsep ekonomi, perdagangan, dan isi penting yang akan dihuraikan. Seterusnya, calon sepatutnya mengemukakan fakta dan huraian tentang cara perdagangan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Melaka. Contoh pula hendaklah diperturunkan secara jelas. Jawapan yang sepatutnya, termasuklah tempat himpunan segala pedagang, tempat perniagaan yang padat, penglibatan golongan pembesar Melaka dalam aktiviti perdagangan, tumpuan pedagang, penglibatan golongan rakyat Melaka dalam aktiviti perdagangan, pengagihan jawatan berkaitan dengan aktiviti perdagangan, dan sebagainya. Jawapan calon juga sepatutnya diakhiri dengan penutup.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa usahawan dalam pelbagai bidang ekonomi dapat membantu membangunkan negara. Calon dikehendaki menjelaskan pernyataan tersebut berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep usahawan. Kebanyakan jawapan calon pada bahagian fakta adalah baik. Walau bagaimanapun, ada sebahagian kecil calon menghuraikan watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel. Pada bahagian huraian, calon didapati tidak dapat menjelaskan sumbangan usahawan dalam pelbagai bidang ekonomi yang dapat membangunkan negara dengan baik dan kritis. Pada bahagian huraian, didapati calon mengemukakan sinopsis cerita, menghuraikan bidang ekonomi, dan bukannya peranan usahawan. Didapati calon juga tidak dapat membezakan antara usahawan dengan ekonomi. Calon sepatutnya memulakan jawapan dengan menyatakan konsep usahawan, ekonomi, dan isi yang akan dijelaskan. Pada bahagian isi hendaklah merangkumi fakta dan huraian. Contoh juga hendaklah diperturunkan secara jelas. Jawapan yang sepatutnya, termasuklah usahawan perdagangan, perlombongan, perladangan, peruncitan, hartanah, dan sebagainya. Jawapan calon juga sepatutnya diakhiri dengan kesimpulan.

SYARIAH (930/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 1 992 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.38% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.04	7.58	9.19	9.69	11.19	11.55	9.14	8.03	7.03	5.92	11.64

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang baik. Namun terdapat beberapa kelemahan pada jawapan calon, iaitu calon tidak dapat mengemukakan dalil yang lengkap, tidak dapat memahami kehendak soalan dengan baik dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan pendapat ulama tentang kedudukan al-Quran sebagai sumber perundangan dengan memberikan dalil al-Quran dan hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon kurang berupaya memberikan dalil bagi menyokong pandangan ulama yang diberikan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ulama bersepakat menyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber utama perundangan. Setiap umat Islam wajib berpegang dengan al-Quran dan jika seseorang itu mengingkarinya, akan menjadi kufur. Dalil bagi menyokong pandangan ulama ialah dari surah al-Maidah ayat 48 dan surah al-Nisa' ayat 105.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan tiga uslub al-Quran dalam menerangkan hukum berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mampu memberikan uslub al-Quran seperti yang dikehendaki berserta contohnya dengan tepat. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah lafaz *amar sorih*, lafaz *fe'el sorih*, lafaz *fe'el mudhari'* yang disertai dengan *lam al-amr*, dan *fe'el* jawab syarat.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan cara al-Quran menerangkan hukum dalam bentuk *qat'i dalalah* dan *zanni dalalah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Qat'i dalalah* merujuk kepada hukum yang dapat difahami secara pasti, tanpa ada makna yang lain. Contohnya seperti lafaz pencuri dalam ayat 38 surah al-Maidah. Ia bersifat *qat'i* yang tidak boleh dipertikaikan

maksud serta hukumnya, iaitu pencuri lelaki dan pancuri perempuan mestilah dipotong kedua-dua belah tangannya. *Zanni dalalah* merupakan lafaz yang mengandungi lebih dari satu makna dan ia mungkin akan ditakwilkan. Contohnya seperti lafaz *quru'* dalam ayat 228 Surah al-Baqarah. Lafaz tersebut berbentuk *zanni* yang boleh difahami dengan lebih daripada satu makna, iaitu haid atau suci.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan pernyataan yang diberikan dengan memberikan contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Pernyataan yang diberikan bermaksud pengecualian satu *furu'* daripada hukum yang bersifat *kulli* (kaedah umum) kerana terdapat dalil yang menghendaki ia terjadi.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan bahagian *istihsan* berdasarkan contoh yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bahagian *istihsan* berdasarkan contoh yang diberikan adalah seperti yang berikut:

- (i) *Istihsan* dengan *nas* kerana terdapat hadis yang menyatakan bahawa sesiapa yang makan atau minum secara tidak sengaja semasa sedang berpuasa, maka ia merupakan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT.
- (ii) *Istihsan* dengan *ijmak* kerana ulama telah bersepakat menyatakan jual beli secara salam ialah sah.
- (iii) *Istihsan* berasaskan *uruf* kerana perbuatan mewakafkan buku telah menjadi kebiasaan, sekalipun ia bertentangan dengan syarat wakaf.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama tentang kehujahan *istihsan*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mampu membincangkan pendapat ulama dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh calon ialah Imam Syafie serta sebahagian daripada ulama Hanbali menolak kehujahan *istihsan*. Mereka berpendapat bahawa *istihsan* tidak boleh digunakan sebagai dalil untuk mengeluarkan hukum kerana ia bukanlah sebahagian daripada al-Quran dan hadis dan tiada dalil yang menunjukkan ia diterima sebagai hujah. Ulama Hanafiyyah, Imam Malik, dan sebahagian ulama Hanbali menerima konsep berhujah menggunakan *istihsan* dan ia boleh digunakan sebagai dalil untuk mengeluarkan hukum.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara *maqasid* dengan *wasa'il* dalam *sadd al-dhari'ah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perbezaan antara *maqasid* dengan *wasa'il* ialah *maqasid* merupakan sasaran sesuatu perbuatan sama ada ia mengandungi *masalahah* atau *mafsadah*, manakala *wasa'il* ialah perantaraan yang membawa kepada *maqasid*, di mana hukumnya akan mengikuti hukum *maqasid*.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan empat bahagian *sadd al-dhari'ah* berserta contohnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bahagian *sadd al-dhari'ah* adalah seperti yang berikut:

- (i) Perbuatan yang dilakukan membawa kepada kerosakan yang pasti. Contohnya perbuatan minum arak yang mengakibatkan mabuk, dan mabuk itu pasti akan mendatangkan kerosakan.
- (ii) Perbuatan yang dilakukan itu jarang membawa kepada kerosakan. Contohnya perbuatan menggali perigi di tempat yang jarang orang ramai melaluinya.
- (iii) Perbuatan yang dilakukan kemungkinan besar akan membawa kepada kerosakan. Contohnya perbuatan menjual anggur kepada penjual arak, yang mana kemungkinan besar anggur tersebut akan dijadikan sebagai arak.
- (iv) Perbuatan yang dilakukan itu mudaratnya adalah lebih besar daripada kebaikan. Contohnya seseorang wanita yang baru kematian suami berhias dan keluar daripada rumahnya. Ia akan mendatangkan mudarat yang lebih besar daripada kebaikan kepada wanita tersebut.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan hukum tuntutan berkabung kepada balu semasa *iddah* berdasarkan prinsip *sadd al-dhari'ah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ulama telah bersepakat menyatakan bahawa tuntutan berkabung kepada balu semasa *iddah* ialah wajib. Ini berdasarkan dalil al-Quran pada ayat 234 Surah al-Baqarah.

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan amalan yang tidak menjadikan niat sebagai syarat sah berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Seseorang Muslim tidak disyaratkan untuk berniat ketika melakukan ibadah yang tidak mempunyai apa-apa persamaan dengan adat atau dengan perkara yang lain. Contohnya seperti beriman kepada Allah SWT dan membaca al-Quran.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan tiga contoh amalan yang tidak memerlukan niat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mengajar al-Quran, berzikir, meninggalkan larangan Allah SWT, berbuat baik sesama manusia, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan kaedah *al-fard la yata'adda bi niyyat al-nafl* dalam melakukan ibadah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat memberikan contoh dengan tepat semasa melakukan perbincangan berkaitan dengan tajuk ini. Kaedah ini merupakan pecahan daripada kaedah *al-umur bi maqasidiha*. Kaedah ini bermaksud amalan fardhu tidak akan terlaksana dengan niat amalan sunat kerana amalan fardhu itu lebih tinggi darjatnya berbanding dengan amalan yang sunat.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan *darar* yang diizinkan oleh syarak berdasarkan kaedah *al-dharar yuzal*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Darar* yang diizinkan oleh syarak ialah *darar* yang berlaku akibat hukuman yang ditetapkan oleh syarak seperti *qisas*, *hudud*, *keseksaan*, dan *takzir*.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan kaedah *ma ubih li al-darurah yuqaddar bi qadariha* dengan memberikan contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kaedah ini bermaksud sesuatu yang diharuskan kerana darurat dihadkan menurut kadar darurat sahaja. Contohnya ialah hukum keharusan seorang doktor lelaki memandang aurat wanita, tetapi ia dibataskan sekadar tempat yang diperlukan sahaja.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan kaedah *al-darar la yuzal bi al-darar* dan hukum pengecualian sekiranya berlaku dua kemudaratan dalam satu masa. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat memberikan contoh bagi kaedah yang dikehendaki dengan tepat. Kaedah *al-darar la yuzal bi al-darar* bermaksud kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan. Contohnya ialah pemberian nafkah tidak diwajibkan ke atas keluarga yang fakir untuk keluarga yang fakir juga kerana kemudaratan dari fakir yang pertama itu menimbulkan kemudaratan yang sama dengan keluarganya. Hukum pengecualian sekiranya berlaku dua kemudaratan dalam satu masa ialah hendaklah diutamakan kemudaratan yang lebih berat daripada dua kemudaratan tersebut. Contohnya ialah harus melakukan pembedahan terhadap wanita hamil yang meninggal dunia bagi mengeluarkan janin sekiranya janin tersebut mempunyai harapan untuk hidup.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan lima syarat harus beramal dengan adat berdasarkan kaedah *al-'adah muhakkamah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah:

- (i) adat yang tidak bertentangan dengan nas syarak seperti menghidangkan arak dalam majlis keraian.
- (ii) adat tersebut telah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh.
- (iii) adat dalam sesuatu tindakan itu telah wujud ketika seseorang itu hendak melakukan sesuatu perkara.
- (iv) adat tersebut tidak mendatangkan kemudaratan.
- (v) adat tersebut diamalkan secara berterusan.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan dua perbezaan antara *uruf sahih* dengan *uruf fasid* berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perbezaan antara *uruf sahih* dengan *uruf fasad* adalah seperti yang berikut:

Uruf sahih	Uruf fasid
Uruf yang tidak bercanggah dengan nas syarak	Uruf yang bercanggah dengan nas syarak
Tidak menghilangkan <i>maslahat</i>	Menghilangkan <i>maslahat</i>
Harus beramal dengan <i>uruf sahih</i>	Haram beramal dengan <i>uruf fasid</i>

Soalan 6(c) menghendaki calon menghuraikan hukum dan kaedah terbitan bagi persoalan yang diberikan berdasarkan kaedah *al-'adah muhakkamah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon tidak dapat menyatakan kaedah terbitan dengan tepat. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah:

- (i) Hukum penggunaan sistem kilogram bagi timbangan yang berlaku dalam jual beli sayuran dan buah-buahan di Malaysia pada masa ini ialah harus kerana perkara tersebut tiada nas yang melarang. Kaedah terbitan yang digunakan ialah *isti'mal al-nas hujjah yajib al-amal biha*.
- (ii) Hukum aqad sewaan sebuah rumah yang dilakukan oleh Encik A bersama dua orang rakannya ialah harus kerana kedua-dua rakannya mendiami bersama walaupun akad cuma dilakukan oleh Encik A. Kaedah terbitan yang digunakan ialah *al-ta'yin bi al-'urf ka al-ta'yin bi al-nas*.
- (iii) Hukum kerajaan mewajibkan pasangan yang ingin berkahwin menjalani kursus perkahwinan dan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi membendung penyakit kelamin ialah harus. Ini kerana syarat tersebut membawa kepada kemaslahatan. Kaedah terbitan yang digunakan ialah *la yunkar taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman*.

USULUDDIN (931/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 1 118 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.92% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.78	7.42	9.75	8.77	13.06	8.41	10.73	6.80	8.05	4.29	14.94

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Ulum al-Quran*

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan empat bidang kajian *Ulum al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ilmu *nuzul al-Quran*, ilmu tafsir dan *takwil*, ilmu *makki* dan *madani*, ilmu *qasas al-Quran*, ilmu *fada'il al-Quran*, ilmu *amthal al-Quran*, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan tiga perbezaan antara *Ulum al-Quran* dengan *Usul Tafsir*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menerangkan perbezaan antara kedua-duanya dari aspek tujuan, manfaat, perbahasan, dan fokus perbahasan.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan kesan yang mungkin berlaku kepada umat Islam kini sekiranya tiada usaha penambahbaikan terhadap *mashaf al-Quran* daripada para ulama terdahulu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah umat Islam tidak dapat membaca al-Quran dengan baik, mereka tidak dapat membezakan huruf yang mempunyai persamaan bentuk, mereka tidak dapat membezakan huruf yang berbaris dengan huruf yang *sukun*, mereka tidak mengetahui pembahagian *juzuk* di dalam al-Quran, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan tiga kriteria *i'jaz lughawi*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah susunan bahasa, *balaghah*, ilmu *bayan* yang menarik, susunan kalimah yang menakjubkan, makna yang paling sahih, dan lafaz yang paling *fasih* dalam susunan yang paling indah.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan empat keistimewaan bahasa al-Quran berbanding dengan bahasa Arab. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya menyebut kelebihan bahasa al-Quran tanpa membuat perbandingan dengan bahasa Arab. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah setiap kalimah dalam al-Quran tidak boleh digantikan dengan kalimah lain yang sama makna, sedangkan ungkapan dalam bahasa Arab boleh digantikan dengan mana-mana kalimah yang sama erti. Setiap huruf yang digunakan di dalam al-Quran tidak boleh digantikan atau diubah dengan huruf yang lain, sedangkan bagi bahasa Arab pula, ia harus menerima sebarang perubahan dalam beberapa keadaan yang tertentu. Bahasa al-Quran juga mempunyai bunyi, nada, dan sebutan yang sangat luar biasa seperti *ghunnah* dan *idgham*, sedangkan perkara ini tiada bagi bahasa Arab.

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan tiga peringkat cabaran daripada Allah SWT terhadap orang musyrikin yang berkaitan dengan *i'jaz lughawi* berserta dengan dalil al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan tiga peringkat cabaran daripada Allah SWT kepada orang musyrikin, tetapi mereka tidak dapat memberikan dalil al-Quran dengan baik. Dalil yang perlu diberikan oleh calon ialah ayat al-Quran dari Surah al-Tur ayat 33-34, Surah Hud ayat 13-14, dan Surah Yunus ayat 38.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan dua buah kitab tafsir yang dikarang oleh ulama Syiah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya memberikan nama kitab tafsir yang biasa mereka dengar. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Tafsir *al-Hasan al-'Askari* oleh Abu Muhammad bin Ali al-Hadi, Tafsir *Majma' al-Bayan li Ulum al-Quran* oleh Abu Ali al-Fadl bin al-Hasan, Tafsir *al-Safi* Tafsir al-Quran oleh Muhammad bin al-Syah Murtadha, Tafsir al-Quran oleh al-Sayyid al-Alawi, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan sebab golongan Syiah berpendapat bahawa tafsiran al-Quran daripada golongan mereka adalah lebih baik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah untuk menegakkan fahaman mereka yang berpegang bahawa Saidina Ali dan *ahl al-bait* perlu dihormati dan diikuti, untuk menjelaskan kepada manusia bahawa terdapat silap faham dalam memahami ayat al-Quran, untuk mempengaruhi fahaman dan pemikiran manusia supaya menerima fahaman mereka, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(c) menghendaki calon menunjukkan perbezaan tafsiran bagi ayat al-Quran menurut Ahli Sunnah Waljamaah dengan golongan Syiah berserta contoh ayat al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya memberikan contoh tafsiran dari Ahli Sunnah Waljamaah tanpa memberikan perbandingan dengan tafsiran yang dibuat oleh golongan Syiah.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon mengemukakan dua nama ulama hadis yang terkenal dalam kalangan tabiin. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang memberikan nama para sahabat sebagai jawapan. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah Sa'id

bin al-Musayyab, U'rwah bin al-Zubair, Hasan al-Basri, A'ta' bin Abi Rabah, Muhammad bin Sirin, Sulaiman bin Yasar al-Hilali, Muhammad bin Syihab al-Zuhri, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan empat cara penjagaan hadis yang berlaku pada zaman tabiin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mereka menghafaz hadis, mereka memastikan kesahihan sesuatu riwayat, mereka menulis hadis dalam catatan *suhuf*, mereka memperbanyakkan majlis ilmu berkaitan dengan ilmu hadis, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan faktor perkembangan *Ulum al-Hadis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah gejala pemalsuan hadis yang semakin berkembang, kebanyakan tokoh hadis dalam kalangan sahabat dan tabiin telah wafat, para *huffaz* telah berpindah ke wilayah Islam yang semakin luas, perbalahan dan masalah baru yang timbul, galakan daripada pemerintah, dan lain-lain lagi.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan pengertian *mukhtalaf al-hadis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Mukhtalaf al-hadis* ialah hadis-hadis yang keadaannya saling bercanggah dan bertentangan antara satu sama lain dari segi makna.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan empat kepentingan ilmu *mukhtalaf al-hadis* dalam memahami sesebuah hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah dapat memahami dengan baik hadis yang secara zahirnya bertentangan dengan menggunakan metodologi yang diterangkan oleh para ulama, dapat mengelakkan daripada salah faham dalam memahami maksud hadis, dapat menjawab persoalan yang disampaikan oleh musuh Islam dengan baik, dapat mengeluarkan hukum dengan tepat daripada hadis berkenaan, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan kaedah yang digunakan oleh ulama untuk menyelaraskan hadis yang pada zahirnya bercanggah dengan hadis yang lain. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kaedah yang digunakan oleh para ulama ialah pendekatan *nasikh* dan *mansukh*, menyatupadukan dan mengharmonikan, *pentarjihan*, dan pendekatan *tawaqquf*.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menjelaskan empat pandangan yang dibawa oleh golongan antihadis di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah hadis tidak boleh dijadikan sebagai sumber hukum, dua kalimah syahadah adalah salah kerana bersumberkan hadis palsu, konsep para perawi terpelihara daripada kesilapan ketika meriwayatkan sesebuah hadis adalah menyalahi kaedah saintifik, dan lain-lain lagi.

Soalan 6(b) menghendaki calon memberikan hujah untuk menyangkal dakwaan golongan antihadis bahawa hukuman rejam sampai mati terhadap pezina *muhsan* tidak dapat dilaksanakan kerana hukuman tersebut tidak termaktub dalam al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah hukuman tersebut telah disepakati oleh *jumhur* ulama, ini merupakan satu contoh peranan hadis dalam mentafsirkan ayat al-Quran yang bersifat umum, pelaksanaan hukuman tersebut bertujuan menjaga *maslahah* dan kehormatan diri serta zuriat keturunan, dan lain-lain lagi.



SEJARAH (940/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 22 277 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 61.88% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.48	4.72	5.42	9.44	12.28	11.11	14.43	3.67	3.20	3.61	27.65

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- Calon tidak memahami maksud dan konsep yang dikemukakan dalam soalan, iaitu konsep struktur masyarakat dan ilmu *naqli*.
- Calon memberikan fakta yang tidak tepat apabila menjawab soalan berkaitan tokoh.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan struktur masyarakat Arab pada zaman jahilliah. Calon dikehendaki menjelaskan kedudukan struktur paling tinggi dan paling bawah masyarakat zaman tersebut. Selain daripada menjelaskan kedudukan golongan aristokrat, calon juga perlu menjelaskan kedudukan wanita dan golongan hamba. Calon juga perlu menjelaskan struktur politik *Darul Nadwah* di Mekah dan *Darul Mala'* di Madinah. Namun, terdapat banyak calon yang memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Contohnya, ada calon hanya menjelaskan ciri-ciri masyarakat jahiliyah yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan dan tidak memahami konsep struktur masyarakat.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor politik, ekonomi, dan sosial yang mempengaruhi zaman keemasan Islam semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid. Terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan kerana mereka hanya menghuraikan sumbangan dan peranan khalifah Harun al-Rasyid. Calon sepatutnya menghuraikan tiga faktor iaitu faktor politik seperti kestabilan politik yang dicapai atas kebijaksanaan pemerintah, hubungan diplomatik yang dijalin dengan kuasa besar, urus tadbir kerajaan yang cekap, kekuatan ketenteraan, dan ketokohan peribadi khalifah Harun al-Rasyid. Faktor ekonomi membincangkan aspek perdagangan antarabangsa yang pesat, perkembangan ekonomi

pertanian, kepesatan aktiviti perdagangan dan industri, kemajuan teknologi seperti sistem saliran dan kemajuan infrastruktur. Faktor sosial pula membincangkan perkembangan institusi pendidikan dan penubuhan Baitul Hikmah.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perkembangan ilmu *naqli* pada zaman Khalifah Abbasiyah dari abad ke-11 Masihi hingga abad ke-13 Masihi. Ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka dapat menghuraikan ilmu tersebut yang diklasifikasikan kepada ilmu akidah, syariah, dan tasawuf. Calon juga perlu menghuraikan ilmu *qalam* dengan membincangkan tafsir *bil ma'tsur* dan tafsir *birra'yi*. Sebaiknya calon perlu merujuk pemikiran teologi Imam al-Ghazali dalam karya beliau iaitu *Iqtishad fi al-I'tiqad*. Dalam bidang syariah, calon perlu menghuraikan ilmu *fiqh* dengan menghuraikan aspek perundangan Islam seperti hukum jenayah syariah, muamalat dan *fiqh* keluarga. Namun begitu, ada calon yang hanya membincangkan satu aspek yang kurang relevan dengan kehendak soalan iaitu fardhu ain, fardhu kifayah, dan akhlak.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan tiga pemikiran Ibnu Khaldun dalam bidang ketamadunan. Calon perlu menjelaskan tiga pemikiran sahaja daripada kesemua pemikiran seperti konsep *umran*, *assabiyah*, falsafah pensejarahan, sosiologi dan antropologi, ekonomi, serta kitaran tamadun manusia. Walau bagaimanapun, ada calon memberikan jawapan yang umum dan tiada berpengetahuan tentang kandungan serta kehendak soalan ini.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon memperihalkan peranan Abdul Qadir al-Jazairi sebagai pelopor kepada gerakan penentangan rakyat terhadap penjajahan Perancis di Algeria pada abad ke-19 Masihi. Terdapat calon yang memperihalkan peranan Abdul Qadir al-Jazairi tersebut secara umum seperti memperihalkan latar belakang tokoh tersebut. Calon sepatutnya memperihalkan peranan Abdul Qadir al-Jazairi dalam aspek politik dan gerakan bersenjata. Sebagai tokoh yang mempelopori gerakan kemerdekaan, calon perlu memperihalkan aktiviti dan peranan Abdul Qadir al-Jazairi menentang penjajahan Perancis di Algeria.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penglibatan Khalifah Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama dapat memberikan kesan politik, ekonomi, dan sosial kepada kerajaan Turki Uthmaniyah. Calon perlu membincangkan kesan politik hasil Perjanjian Sykes Picot pada tahun 1916. Calon juga perlu bincangkan kesan ekonomi akibat pembukaan jalan laut perdagangan iaitu Selat Bosphorus sebagai laluan perdagangan antarabangsa. Manakala kesan sosial telah memberikan impak kepada kebangkitan semangat nasionalisme Arab Turki. Walau bagaimanapun terdapat calon yang kurang berjaya membincangkan ketiga-tiga aspek tersebut dengan memberikan isi yang umum dan fakta yang kurang tepat.

GEOGRAFI (942/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 11 730 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 49% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	D-
Peratusan	5.67	3.73	6.44	6.90	7.94	8.79	9.53	9.87	9.22	8.74	23.17

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Kelemahan calon adalah kerana tidak memahami kehendak soalan dan juga penggunaan konsep contoh geografi yang salah atau tidak tepat. Kebanyakan calon gagal mendapat markah yang baik disebabkan memberikan jawapan yang ringkas tanpa huraian yang betul.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Alam Sekitar Fizikal yang terdiri daripada 1 soalan struktur dan 2 soalan esei

Soalan 1 (soalan struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud *sejatpeluhan*. Kebanyakan calon hanya menerangkan konsep sejatan daripada air permukaan dan perpeluhan daripada unsur biologi. Jawapan yang sepatutnya ialah pertukaran cecair kepada wap air daripada tumbuhan atau liang stoma dengan bantuan pancaran matahari.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** pengaruh tumbuhan terhadap kadar sejatpeluhan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Soalan ini memerlukan calon mengaitkan sifat/ciri/jenis tumbuhan dengan kadar sejatpeluhan. Jawapan yang sepatutnya ialah sifat liang stoma yang terbuka pada waktu siang dan tertutup pada waktu malam, sifat daun dari segi saiz/luas permukaan daun/kelebatan daun/warna daun, sistem akar pokok, kanopi tumbuhan, dan jenis tumbuhan.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan **tiga** faktor yang mempengaruhi proses sejatpeluhan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon perlu menghuraikan faktor dan pengaruhnya terhadap kadar sejatpeluhan sama ada tinggi/rendah atau meningkat/menurun. Antara faktornya ialah kelembapan bandingan tinggi – sejatpeluhan rendah, suhu/bahangan tinggi – sejatpeluhan tinggi, mempunyai bekalan air tanah secukupnya – sejatpeluhan tinggi, kandungan air dalam tumbuhan banyak – sejatpeluhan tinggi, halaju angin meningkat – sejatpeluhan meningkat, dan faktor tumbuhan – ciri/sifat/jenis.



Soalan 2 (soalan esei)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan **dua** peringkat dalam proses pembentukan siklon tropika. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan betul. Jawapan yang sepatutnya ialah seperti berikut: Peringkat I – terbentuk pada musim panas apabila suhu permukaan laut meningkat melebihi 26°C yang menggalakkan aktiviti perolakan – sistem tekanan udara rendah terbentuk di lautan tropika yang panas – udara yang panas mengembang lalu naik ke atas mewujudkan sel tekanan udara yang rendah di bawahnya – tekanan udara sekeliling tinggi menyebabkan angin akan bertiup masuk dengan kencangnya ke kawasan tekanan udara rendah tersebut. Peringkat II – pengaruh daya tekanan memusat menyebabkan wujudnya mata siklon dan tiupan angin/siklon menjadi lebih kencang – angin yang sedang bergerak dalam bentuk pusaran akan diiringi oleh daya tarikan ke arah pusat pusaran yang menyebabkan halajunya semakin bertambah – mata siklon yang dikelilingi oleh satu zon yang dikenali sebagai vortex dan di dalam zon vortex inilah pusaran angin yang kencang terbentuk dan hujan lebat akan turun.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan faktor yang mempengaruhi pembentukan siklon tropika. Berbanding soalan 2 (a), kebanyakan calon dapat markah yang lebih baik. Jawapan yang sepatutnya ialah suhu meningkat, tekanan udara rendah, kedudukan garis lintang, tiupan angin lazim dan kewujudan daya koriolis. Calon tidak dapat menjelaskan dengan baik. Calon hanya boleh memberi pernyataan. Contoh: suhu meningkat. Calon tidak dapat menjelaskan: suhu meningkat menyebabkan pemanasan suhu lautan.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan kesan siklon tropika terhadap alam sekitar fizikal. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, walau pun masih terdapat calon yang tidak dapat membezakan alam sekitar fizikal dengan alam sekitar manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah kemusnahan ekosistem, tanah runtuh/hakisan, banjir lumpur/banjir laut/banjir, kemusnahan habitat, peningkatan hakisan pantai, kemusnahan flora dan fauna, perubahan pandang darat fizikal, hujan lebat/intensiti hujan, kelembapan udara yang tinggi.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon membincangkan faktor yang menyebabkan banjir kilat berlaku. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang tidak memahami konsep banjir kilat. Jawapan yang diberi menurus kepada faktor yang menyebabkan banjir. Terdapat juga calon yang memberikan faktor pembalakan dan penyahhutan yang tidak membawa sebarang markah begitu juga terdapat calon yang menggunakan istilah sistem pengairan bagi menggantikan sistem perparitan/sistem saliran. Jawapan yang sepatutnya ialah hujan lebat, pembangunan tidak terancang, sistem saliran cetek, aliran asal saliran diubah/tersumbat, permukaan berturap luas, tumbuhan tiada/kurang, sistem perparitan tidak cekap, dan sikap manusia.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan langkah yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi banjir kilat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu menanam tumbuhan, menggantikan saliran asal dengan konkrit berdasarkan aliran semula jadi, membina takungan berperingkat, melebarkan/mendalamkan/meluruskan parit/longkang/sungai, merancang pembangunan yang sistemetik, membersihkan laluan air/saliran/aliran/lencongan/pencongan/terowong SMART, perundangan (penguatkuasaan/denda/hukuman/akta merujuk kepada banjir kilat), pendidikan dan kempen.

BAHAGIAN B: Alam Sekitar Manusia yang terdiri daripada 1 soalan struktur dan 2 soalan esei

Soalan 4 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti **tiga** pakatan ekonomi serantau di Asia Pasifik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul, iaitu ASEAN, APEC, EAEC, EAS, dan AFTA.





Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan **dua** peranan Malaysia dalam menjayakan prinsip memakmurkan jiran yang menjadi fokus utama dalam kerjasama serantau. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya ialah pembangunan ekonomi, membantu menangani isu politik dalaman, membantu menangani isu alam sekitar, pelaburan, teknologi, bahan mentah, keselamatan, pesanan, pengangkutan dan dasar kerajaan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **dua** langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam menangani masalah pencemaran rentas sempadan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang tidak memahami istilah 'pencemaran rentas sempadan' yang merujuk kepada jerebu atau pencemaran air laut. Jawapan calon menjurus kepada isu jenayah dan pendatang tanpa izin. Jawapan yang sepatutnya ialah mengadakan rondaan dan kawal selia dengan bantuan daripada tentera laut/tentera udara dan polis marin, bantuan peralatan dan teknikal, bantuan kewangan, tenaga pakar dan perjanjian persefahaman.

Soalan (d) menghendaki calon menjelaskan **dua** teras dasar luar Malaysia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Jawapan yang sepatutnya ialah aman, bebas, dan berkecuali berserta huraian.

Soalan 5 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sebab mengapa wujud ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan di Malaysia. Jawapan calon kebanyakannya terlalu umum kerana tidak dapat memberikan contoh sumber alam dan kawasan/negeri yang terlibat. Jawapan yang sepatutnya ialah taburan sumber alam, faktor fizikal, faktor politik, faktor sejarah, dasar kerajaan, jaringan jalan raya, perletakan industri, dan pendidikan.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan strategi yang digunakan untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu memperkenalkan koridor ekonomi, pembangunan pertanian bersepadu, menyelerakkan industri ke semua kawasan, pambandaran desa, program pembangunan in situ, mewujudkan pusat pertumbuhan desa, kemudahan infrastruktur dan utiliti, pembangunan wilayah, membina institusi pendidikan, pengangkutan (membina, menambah baik/menaik taraf) dan kemudahan kesihatan (menaik taraf).

Soalan 6 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan mengapa sesebuah negara perlu saling bergantung antara satu sama lain. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu peluasan pasaran, perkongsian teknologi, perkongsian tenaga buruh, perkongsian modal, perkongsian sumber alam/bahan mentah, penjagaan alam sekitar, meningkatkan kecekapan dan peningkatan aliran perdagangan dengan lebih banyak negara.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kesan globalisasi ekonomi terhadap sesebuah negara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kesan positif ialah perdagangan bebas, peluasan pasaran, pemindahan teknologi, aliran buruh, menggalakkan persaingan, peningkatan kualiti buruh, dan peningkatan modal negara. Kesan negatif pula ialah penguasaan ekonomi oleh syarikat multinasional, ancaman kepada IKS tempatan, penghakisan kedaulatan negara, sukar mengawal kemasukan/pengeluaran modal asing, ancaman kepada barangan dan perkhidmatan, dan ancaman kepada budaya tempatan.



EKONOMI (944/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 14 249 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 45.12% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.28	4.11	3.69	5.94	6.72	8.11	9.27	7.81	8.33	7.84	30.91

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	A
2	A	12	C
3	C	13	A
4	C	14	B
5	C	15	B
6	B	16	B
7	B	17	C
8	A	18	D
9	D	19	A
10	D	20	D

BAHAGIAN B: *Esei*

Komen am

Daripada respon calon, soalan 22, 24, dan 26 ialah soalan aras mudah. Soalan 21, 23, 27, dan 28 ialah soalan sederhana, manakala soalan 25 dan 29 ialah soalan aras sukar. Keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana lemah. Calon masih gagal menguasai tajuk-tajuk dalam makroekonomi dengan baik. Calon juga gagal menguasai rumus-rumus penting untuk menjawab soalan pada bahagian kuantitatif. Selain itu, terdapat calon yang menjawab soalan melebihi empat soalan pada bahagian B

dan melebihi dua soalan pada bahagian C walaupun pada muka hadapan kertas soalan telah ditegaskan hanya empat soalan daripada bahagian B dan dua soalan daripada bahagian C yang akan diperiksa.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud kemelesetan ekonomi dan menerangkan bagaimana dasar fiskal dan dasar kewangan dapat mengatasi masalah ekonomi.

Calon seharusnya memberikan maksud kemelesetan ekonomi ialah suatu keadaan yang mana kegiatan ekonomi menurun dengan kadar yang tinggi atau Keluaran Negara Kasar (KNK) sebenar berada di bawah KNK potensi. Kadar pertumbuhan ekonomi negatif atau kadar pengangguran meningkat dengan kadar yang tinggi.

Dasar fiskal dapat mengatasi masalah ekonomi melalui beberapa cara iaitu:

(a) Menaikkan perbelanjaan kerajaan (G)

Apabila G naik, perbelanjaan agregat akan meningkat. Stok berkurangan dan firma akan menambahkan keluaran. Keluaran negara atau pendapatan negara meningkat. Pengangguran akan berkurang. Maka, kemelesetan ekonomi dapat diatasi.

(b) Menurunkan kadar cukai (T)

Apabila T turun, pendapatan boleh guna akan meningkat. Penggunaan akan meningkat, perbelanjaan agregat akan meningkat. Stok berkurangan dan firma akan menambahkan keluaran. Keluaran negara atau pendapatan negara meningkat. Pengangguran akan berkurang. Maka, kemelesetan ekonomi dapat diatasi.

(c) Menaikkan G dan menurunkan T serentak.

Apabila G naik, perbelanjaan agregat akan meningkat dan apabila T turun, pendapatan boleh guna akan meningkat dan perbelanjaan agregat akan meningkat. Stok berkurangan dan firma akan menambahkan keluaran. Keluaran negara atau pendapatan negara meningkat. Pengangguran akan berkurang. Maka, kemelesetan ekonomi dapat diatasi.

Dasar kewangan pula dapat mengatasi masalah ekonomi melalui beberapa cara iaitu:

(a) meningkatkan penawaran wang.

(b) menurunkan kadar bunga.

(c) menurunkan nisbah rizab berkanun/turunkan nisbah rizab tunai.

(d) menurunkan kadar dasar semalaman/turunkan kadar bank.

(e) membeli sekuriti kerajaan.

Kebanyakan calon dapat memberikan maksud dengan tepat dan memberikan fakta serta huraian dengan tepat. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan calon dalam jawapannya. Antara kelemahan calon itu ialah:

- Calon hanya menyatakan pengangguran meningkat, kadar pertumbuhan merosot.
- Calon tidak memahami dasar fiskal dan dasar kewangan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi.
- Calon tidak menjelaskan tentang stok firma berkurangan dan firma menambahkan keluaran.
- Calon juga tidak menerangkan dengan lengkap tentang dasar kewangan iaitu berkaitan kadar bunga turun, pelaburan meningkat, penggunaan meningkat, dan stok berkurangan dan firma menambahkan keluaran.

Soalan 22

Calon dikehendaki menjelaskan empat alasan sesebuah negara menghitung pendapatan negara pada setiap tahun. Calon perlu menghuraikan mana-mana empat jawapan seperti yang berikut:

(a) untuk mengukur kadar pertumbuhan ekonomi. Semakin tinggi kadar pertumbuhan ekonomi, semakin baik ekonomi sesebuah negara.

- (b) untuk mengukur taraf hidup. Diukur dengan menggunakan pendapatan per kapita. Semakin tinggi pendapatan per kapita, maka semakin tinggi taraf hidup sesebuah negara.
- (c) untuk mengukur prestasi/kepentingan/sumbangan sektor ekonomi. Peratus sumbangan terbesar menunjukkan kepentingan sektor ekonomi tersebut terhadap pendapatan negara.
- (d) menjadi asas untuk membuat perancangan ekonomi. Data pendapatan negara pada masa kini dan masa lepas dapat memberi maklumat penting tentang situasi ekonomi sesebuah negara. Maklumat ini dapat digunakan sebagai asas untuk membuat perancangan ekonomi pada masa depan, misalnya perancangan tentang perkembangan pelaburan, eksport dan guna tenaga.
- (e) menjadi petunjuk perubahan struktur ekonomi. Data pendapatan negara antara dua tempoh masa yang panjang dapat digunakan sebagai petunjuk perubahan struktur ekonomi iaitu perubahan dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan.
- (f) mengukur prestasi sektor ekonomi.


Terdapat calon yang memberikan jawapan yang baik dari segi fakta dan huraian. Namun begitu, sebahagian calon tidak memahami kehendak soalan. Ini kerana mereka memberi jawapan berkaitan dengan masalah penghitungan pendapatan negara seperti masalah pengiraan dua kali, masalah barang yang tidak dipasarkan dan masalah kegiatan produktif tetapi haram. Selain itu ada juga calon yang memberikan jawapan berkaitan dengan matlamat makroekonomi iaitu untuk mencapai kestabilan tingkat harga, mencapai guna tenaga penuh dan memperbaiki imbalan pembayaran.

Soalan 23

Calon dikehendaki (a) mentakrifkan penggunaan autonomi seterusnya (b) menerangkan kesan peningkatan penggunaan autonomi ke atas keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi dua sektor dengan bantuan gambar rajah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut: (a) Penggunaan autonomi ialah penggunaan isi rumah yang tidak dipengaruhi oleh pendapatan negara/penggunaan ketika pendapatan negara sifar/ penggunaan yang tidak dipengaruhi oleh apa-apa faktor.

(b) Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Keseimbangan asal tercapai apabila $Y = AE_0$ di titik E_0 pada pendapatan negara Y_0 . Apabila penggunaan autonomi meningkat dari a_0 ke a_1 , perbelanjaan penggunaan akan meningkat dari C_0 ke C_1 . Keluk perbelanjaan agregat beralih ke atas dari AE_0 ke AE_1 . Pada pendapatan negara Y_0 , berlaku lebih perbelanjaan agregat sebanyak E_0b . Berlaku kekurangan inventori dan firma meningkatkan pengeluaran.

Proses ini berterusan sehingga keseimbangan baharu tercapai apabila $Y = AE_1$ dititik E_1 . Pendapatan negara meningkat dari Y_0 ke Y_1 .

Antara kelemahan calon semasa melukis gambar rajah ialah:

- Salah melabelkan paksi iaitu $AE-Y$ atau harga. Paksi pendapatan negara pula ditulis kuantiti.
- Tidak meletakkan titik keseimbangan E_0 an E_1 .
- Tidak melabelkan keluk $AE-Y$ atau sudut 45° .
- Sebahagian besar calon melukis gambar rajah ekonomi dua sektor tetapi mengubah pada pelaburan ($AE = C + I_0$).
- Melukis gambar rajah ekonomi tiga sektor iaitu yang melibatkan $C + I + G$.
- Terdapat calon yang melukis gambar rajah $AD-AS$.
- Sebahagian calon salah mengalihkan keluk AE iaitu mengalihkan keluk AE ke bawah.

Soalan 24

Calon dikehendaki menerangkan empat fungsi bank pusat. Calon perlu menerangkan empat fungsi seperti berikut:


- Mengeluarkan mata wang. Mencetak wang syiling dan wang kertas.
- Jurubank kepada kerajaan. Menguruskan hutang kerajaan iaitu pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negara.
- Jurubank kepada Bank Perdagangan. Sebagai penyimpan rizab berkanun.
- Mengawal kestabilan mata wang negara. Bank pusat memastikan rizab antarabangsa yang mencukupi untuk mengawal kestabilan mata wang di pasaran pertukaran asing.
- Pelaksana dasar kewangan. Melaksanakan dasar kewangan bagi mengurangkan inflasi atau kemelesetan ekonomi.

Sebahagian besar calon hanya memberikan fakta tetapi tidak dapat menghuraikan dengan tepat. Sebahagian calon pula memberikan huraian yang bercampur antara jurubank kepada kerajaan dengan jurubank kepada bank perdagangan.

Soalan 25

Berbantuan gambar rajah ($AD-AS$), calon perlu menerangkan bagaimana penjualan sekuriti kerajaan dalam operasi pasaran terbuka boleh mengurangkan masalah inflasi dalam negara.

Jawapan yang sepatutnya calon jawab ialah seperti yang berikut:



Keseimbangan asal berlaku apabila $AD_0 = AS_0$ di titik E_0 pada harga P_0 dan pendapatan negara Y_0 . Penjualan sekuriti kerajaan menyebabkan keupayaan bank perdagangan mencipta kredit berkurang atau keupayaan memberi pinjaman berkurang. Penawaran wang berkurang, kadar bunga meningkat dan pelaburan berkurang. Keluk AD beralih ke kiri dari AD_0 ke AD_1 . Pada harga P_0 , berlaku lebihan AS sebanyak aE_0 . Harga turun dan firma mengurangkan keluaran. Proses ini berterusan sehingga mencapai keseimbangan baharu tercapai apabila $AD_1 = AS_0$ di titik E_1 . Harga turun ke P_1 dan pendapatan negara berkurang ke Y_1 . Maka inflasi dapat diatasi.

Sebahagian calon dapat melukis gambar rajah dengan tepat (melabelkan paksi dan keluk dengan betul) dan menghuraikan dengan lengkap seperti dalam skema pemarkahan. Namun begitu, sebahagian lagi calon melakukan kesilapan seperti yang berikut:

- Salah melabelkan paksi terutama paksi harga yang ditulis dengan $AE-Y$ dan kadar bunga dan paksi pendapatan negara ditulis dengan kuantiti atau kuantiti wang.
- Salah melabelkan keluk iaitu melabelkan keluk AD dengan DD dan keluk AS dengan SS .
- Calon tidak meletakkan titik keseimbangan E_0 dan E_1 .
- Calon salah mengalihkan keluk AD iaitu beralih ke kanan.
- Sebahagian calon mengalihkan keluk AS ke kanan atau ke kiri. Ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami sebab peralihan keluk AS dan AD dengan baik.
- Calon tidak menghuraikan tentang penjualan sekuriti kerajaan menyebabkan keupayaan bank perdagangan mencipta kredit berkurang/keupayaan memberi pinjaman berkurang dan juga tidak menerangkan proses.
- Terdapat calon yang hanya mendapat markah untuk keseimbangan asal sahaja berpunca dari kesilapan dalam mengalihkan keluk AD .

Soalan 26

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud devaluasi dan (b) menerangkan kesan devaluasi Ringgit Malaysia terhadap Dolar Amerika ke atas eksport, import, dan imbalan dagangan Malaysia.

Jawapan yang sepatutnya ialah (a) devaluasi ialah langkah kerajaan menurunkan nilai mata wang negara berbanding mata wang asing.

Manakala jawapan bagi (b) pula ialah seperti yang berikut:

- (i) Eksport
 - Harga barang Malaysia menjadi relatif lebih murah di Amerika. Permintaan terhadap barangan Malaysia meningkat di Amerika. Kesannya eksport barang Malaysia ke Amerika meningkat.
- (ii) Import
 - Harga barang Amerika menjadi relatif lebih mahal di Malaysia. Permintaan terhadap barang Amerika berkurang di Malaysia. Kesannya import barang Amerika ke Malaysia berkurang.
- (iii) Imbalan dagangan
 - Eksport bersih meningkat. Imbalan dagangan Malaysia bertambah baik/positif yang meningkat/negatif yang menurun.

Antara kelemahan calon ialah seperti yang berikut:

- Sebahagian besar calon tidak dapat memberikan definisi yang tepat.
- Calon hanya menyatakan tindakan kerajaan menurunkan nilai mata wang tanpa membandingkan dengan mata wang negara asing.
- Sebahagian besar calon tidak menulis perkataan relatif untuk harga eksport dan harga import.
- Sebahagian calon pula tidak menyatakan permintaan terhadap barangan Malaysia di Amerika dan permintaan terhadap barang Amerika di Malaysia.
- Pada bahagian imbalan dagangan pula, sebahagian calon hanya menyatakan imbalan dagangan yang bernilai positif atau lebihan.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon:

- (a) menghitung Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar pada tahun 2013 dan tahun 2014. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	KDNK benar (US\$ bilion)	
	Malaysia	Indonesia
2013	$(100 + 107.12 \times 312.433 = 291.67)$	817.83
2014	309.99	759.94

- (b) menghitung kadar inflasi di Malaysia dan di Indonesia pada tahun 2014. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Negara	Kadar inflasi (%)
Malaysia	$\frac{110.65 - 107.12}{107.12} \times 100 = 3.30$
Indonesia	6.27

- (c) berdasarkan jawapan (b), calon dikehendaki menyatakan taraf hidup penduduk antara kedua-dua negara. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Taraf hidup penduduk Malaysia lebih tinggi berbanding penduduk Indonesia kerana kadar inflasi di Malaysia lebih rendah berbanding kadar inflasi di Indonesia.

Antara kelemahan calon ialah seperti yang berikut:

- Memberikan jawapan yang salah kerana menggunakan formula yang salah.
Terdapat calon yang menggunakan formula untuk menghitung kadar pertumbuhan KDNK harga semasa.
 - Tidak meletakkan tanda unit (%) dan US\$ bilion
 - Tidak menggunakan dua titik perpuluhan. Terdapat calon yang menggunakan tiga tempat perpuluhan.
- Sebahagian calon memberikan jawapan yang betul untuk taraf hidup tetapi tidak mengaitkannya dengan inflasi tetapi mengaitkannya dengan pendapatan per kapita.
- Sebahagian calon pula menyatakan taraf hidup Indonesia lebih tinggi kerana kadar inflasi di Indonesia lebih tinggi.

Soalan 28

Soalan ini menghendaki calon:

- (a) (i) Menghitung kadar pertumbuhan bekalan wang M1 pada tahun 2012 dan tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	Kadar pertumbuhan bekalan wang M1 (%)
2012	$\frac{168\,629 - 141\,836}{141\,836} \times 100 = 18.89$
2013	12.53

- (ii) Menghitung kadar inflasi pada tahun 2012 dan tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	Kadar Inflasi (%)
2012	$\frac{115.7 - 114.6}{114.6} \times 100 = 0.96$
2013	1.90

- (b) (i) Menghitung KDNK nominal pada tahun 2012 dan tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	KDNK nominal (RM juta)
2012	$\frac{115.7}{100} \times 620\,515 = 717\,935.86$
2013	761\,305.06

- (ii) Menjelaskan KDNK nominal berbeza dengan KDNK benar pada tahun 2012 dan tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

KDNK nominal lebih tinggi atau berbeza daripada KDNK benar kerana KDNK nominal dipengaruhi kenaikan harga atau inflasi.

Antara kelemahan calon ialah seperti yang berikut:

- Memberikan jawapan yang salah kerana menggunakan formula yang salah.

Terdapat calon yang menggunakan formula $\frac{IHP_c}{IHP_1} \times 100$

- Tidak meletakkan unit (%)
- Tidak menggunakan dua titik perpuluhan
- Kebanyakan calon tidak dapat membezakan KDNK nominal dengan KDNK benar. Sebahagian calon mengaitkan KDNK benar mengikut tahun asas manakala KDNK nominal mengikut tahun semasa tanpa mengaitkan dengan perubahan harga /inflasi.

Soalan 29

Soalan ini menghendaki calon:

- (a) (i) menjelaskan Ringgit Malaysia (RM) naik nilai atau susut nilai berbanding Renminbi China dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut: RM naik nilai pada tahun 2012 berbanding Renminbi China kerana semakin sedikit RM diperlukan untuk mendapatkan seunit Renminbi China. RM susut nilai pada tahun 2013 berbanding Renminbi China kerana semakin banyak RM diperlukan untuk mendapatkan seunit Renminbi China.
- (ii) menjelaskan hubungan kadar pertukaran RM dengan Renminbi China selaras dengan teori ekonomi tentang aliran eksport dan import. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut: Pada tahun 2012, eksport Malaysia ke China berkurang dan import Malaysia dari China meningkat. Ia selaras dengan teori eksport dan import. Pada tahun 2013, eksport Malaysia ke China meningkat. Selaras dengan teori. Manakala import Malaysia meningkat. Tidak selaras dengan teori.

(b) (i) menghitung eksport bersih Malaysia ke China pada tahun 2013. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} & \text{Eksport} - \text{Import} \\ & = \text{RM}96\,966 \text{ juta} - \text{RM}106\,264 \text{ juta} \\ & = -\text{RM}9298 \text{ juta} \end{aligned}$$

(ii) Hitung nilai eksport bersih Malaysia ke China pada tahun 2013 dalam nilai Renminbi China. Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{0.542} \times \text{RM}9298 \text{ juta} \\ & = \text{Renminbi } -17\,154.98 \text{ juta} \end{aligned}$$

Antara kelemahan calon

- Calon tidak memahami konsep naik nilai dan susut nilai. Calon menjawab secara terbalik iaitu tahun 2012 RM susut nilai manakala tahun 2013 RM naik nilai.
- Calon tidak memberi sebab RM naik nilai atau susut nilai.
- Sebahagian calon hanya menjawab selaras/tidak selaras tanpa mengaitkan dengan teori.
- Calon tidak menyatakan tahun (menjawab secara umum sahaja).
- Calon memberikan jawapan yang salah kerana menggunakan formula yang salah.
- Calon tidak meletakkan unit atau menggunakan unit yang salah seperti tiada RM, juta dan/atau tiada tanda (-).



PENGAJIAN PERNIAGAAN (946/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 16 757 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 49.4% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.08	2.57	5.43	6.68	9.54	9.58	13.52	6.00	8.23	5.38	30.97

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, jawapan kebanyakan calon pada tahap yang sederhana. Bagi Bahagian A, setengah daripada bilangan calon dapat menjawab dengan baik, iaitu menggunakan ayat yang kemas, memberi fakta yang tepat dan menjawab mengikut kehendak soalan seperti memberikan contoh yang sesuai. Bagi Bahagian B soalan 2 (kajian kes) pula, majoriti calon menjawab dengan baik, iaitu membuat analisis dengan tepat dan meletakkan kaitan kes kepada fakta yang bersesuaian. Bagi soalan 3 atau soalan 4, hanya sebilangan calon sahaja dapat menjawab dengan baik, iaitu dengan menyatakan dan menjelaskan konsep dengan tepat. Namun begitu, sebahagian besar calon tidak menguasai kemahiran kaedah menjawab soalan berbentuk KBAT, iaitu dalam memberikan contoh yang sesuai.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada 10 soalan esei pendek, iaitu soalan (a) hingga (j).

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan konsep keberkesanan dan kecekapan serta memberikan contoh aplikasi dalam sesebuah syarikat pengeluar pakaian. Kebanyakan calon mampu memberikan definisi konsep dengan tepat. Namun, terdapat juga calon yang tertukar maksud bagi keberkesanan dan kecekapan. Di samping itu, calon juga gagal memberikan contoh keberkesanan yang bersesuaian dengan matlamat syarikat pengeluar pakaian. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Maksud keberkesanan

- Melakukan sesuatu kerja yang betul / menyempurnakan sesuatu kerja yang membantu ke arah memenuhi objektif sesebuah syarikat.
- Contoh keberkesanan ialah sebuah syarikat pengeluar pakaian muslimah, jadi semua lini produk syarikat adalah pakaian muslimah, pakaian sukan muslimah dan kasut sukan wanita.

Maksud kecekapan

- Melakukan sesuatu kerja dengan betul / melaksanakan sesuatu kerja dengan usaha, perbelanjaan, dan sisa yang minimum tanpa pembaziran dengan tidak mengurangkan hasil atau input.
- Contoh kecekapan ialah syarikat pengeluar pakaian telah menetapkan jumlah pengeluaran pakaian sebanyak 2 000 pasang pakaian dalam sebulan. Pada hujung bulan berkenaan, syarikat telah menghasilkan sebanyak 2 200 pasang tanpa meningkatkan kos.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua kemahiran yang penting untuk dimiliki oleh penyelia operasi kilang perabot. Majoriti calon mampu menyatakan fakta dan huraian dengan baik, namun gagal untuk memberikan contoh yang sesuai dengan situasi. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Jenis Kemahiran	Huraian	Contoh
Kemahiran teknikal	<ul style="list-style-type: none"> - Kebolehan untuk mengaplikasi kaedah atau prosedur dan teknik - Kemahiran yang berkaitan rapat dengan aktiviti operasi syarikat 	<ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan teknologi atau mesin dan kemahiran untuk kerja harian atau kerja rutin - Menghasilkan perabot mengikut kuantiti dan kualiti yang dikehendaki - Menunjuk ajar atau memberi penerangan kepada para pekerja - Mengenal pasti sebarang kekurangan atau kerosakan peralatan
Kemahiran antara perorangan / kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> - Kemahiran hubungan manusia atau komunikasi dengan pelbagai pihak - Sebagai perantara pengurusan pertengahan dengan para pekerja 	<ul style="list-style-type: none"> - Perlu untuk berinteraksi dengan berkesan dengan para pekerja operasi - Untuk memberi arahan dan teguran - Mewujudkan suasana harmoni pengurusan-pekerja - Memberi maklum balas kepada pengurusan pertengahan - Memberi motivasi
Kemahiran pengurusan masa	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan masa dengan berkesan - Penjadualan tugas atau perancangan masa yang rapi 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengetahui jumlah masa yang diperlukan bagi sesuatu kerja - Menyiapkan kerja sebagaimana yang dirancang atau tempahan - Memperuntukkan masa mengikut keperluan tugas

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan bagaimana pengurus menggunakan gaya kepimpinan autokratik untuk mempengaruhi subordinatnya. Majoriti calon memberikan huraian umum dan tidak lengkap. Di samping itu, calon lebih kepada penerangan subordinat yang dikenakan gaya kepimpinan autokratik, iaitu pekerja tiada peluang dalam memberikan idea, tiada peluang dalam pembuatan keputusan dan sebagainya. Antara jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

- Gaya kepimpinan autokratik merujuk kepada semua keputusan adalah dibuat oleh pengurus tanpa perlu bertanya atau berunding kepada rakan sejawat ataupun subordinat.
- Pengurus menggunakan kuasa yang ada padanya untuk mengarah pekerja melaksanakan sebarang keputusan yang telah dibuat oleh beliau.
- Pengurus memastikan supaya subordinat hanya menurut arahan daripada ketua.

Soalan (d) meminta calon menghuraikan kepentingan kerja berpasukan terhadap pembuatan keputusan. Kebanyakan jawapan calon terpesong kepada kepentingan berpasukan. Calon memberikan jawapan yang terlalu umum. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Kualiti keputusan yang dibuat akan menjadi lebih baik kerana banyak idea yang boleh disumbangkan oleh ahli pasukan.
- Keputusan yang dibuat boleh diterima oleh banyak pihak kerana keputusan tersebut dilakukan setelah mengambil kira idea dan pandangan daripada banyak jabatan.
- Pasukan dapat mengumpulkan kemahiran dan bakat yang berbeza untuk melaksanakan tugas atau membuat keputusan yang kompleks dengan lebih berkesan.
- Pasukan dapat membantu ahli-ahli baharu dalam memahami kerja, budaya dan persekitaran organisasi untuk membantu membuat keputusan.

Soalan (e) menghendaki calon memberikan maksud kontrak yang sah mengikut seksyen 10(1) Akta Kontrak 1950 (termasuk pindaan). Majoriti calon gagal mendapat markah disebabkan jawapan yang diberikan tidak lengkap. Selain itu, calon juga tidak dapat memberikan fakta dan huraian dengan tepat. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

- Seksyen 10(1) Akta Kontrak 1950 memperuntukkan bahawa:
- *"Semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah dan dengan sesuatu tujuan yang sah dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan ordinan ini ianya batal"*

Soalan (f) menghendaki calon menghuraikan syarat tersirat masa pembayaran dan jualan melalui perihalan atau deskripsi di bawah Akta Jualan Barang-barang 1957 (termasuk pindaan). Majoriti calon memberikan huraian umum dan tidak lengkap. Namun begitu, terdapat juga calon yang berjaya untuk memberikan huraian yang agak baik. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- (i) Masa pembayaran
 - Seksyen 11; *"Melainkan sesuatu niat lain didapati daripada terma kontrak, janji mengenai masa bayaran adalah tidak dianggap menjadi asas kontrak jualan. Sama ada apa-apa janji lain mengenai masa menjadi asas kontrak atau tidak bergantung kepada terma kontrak."*
 - Keadaan ini bermaksud kedua-dua pihak bebas menentukan masa, sama ada masa itu penting ataupun sebaliknya. Sekiranya pembeli gagal membayar dalam tempoh masa tertentu tidaklah menyebabkan sesuatu kontrak itu batal kecuali dinyatakan dalam kontrak.
- (ii) Jualan melalui perihalan/ deskripsi
 - Seksyen 15, *"jika terdapat sesuatu kontrak untuk menjual barang-barang melalui perihalan terdapat sesuatu syarat tersirat bahawa barang-barang itu hendaklah bersamaan dengan perihalan dan, jika jualan itu melalui contoh juga perihalan, ia tidak mencukupi bahawa kuantiti barang-barang bersamaan dengan contoh jika barang-barang juga tidak bersamaan dengan perihalan."*
 - Terdapat syarat tersirat berkaitan kontrak jualan barang bahawa apabila sesuatu barang dijual melalui deskripsi (perihalan) maka barang tersebut mestilah secocok ataupun sama dengan apa yang dinyatakan atau dengan sampel atau deskripsinya. Perkara ini dijelaskan dalam Seksyen 15 Akta Jualan Barang 1957.

Soalan (g) menghendaki calon menghuraikan tiga halangan komunikasi. Majoriti calon mampu memberikan fakta dengan tepat berserta dengan huraian dan contoh yang tepat. Namun begitu, terdapat segelintir calon melakukan kesalahan bahasa seperti halangan fizikal ditulis sebagai fisiologikal, halangan psikologikal ditulis sebagai psikologi dan halangan sosiologikal ditulis sebagai sosiologi. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Fizikal.

- Sebarang gangguan fizikal yang wujud secara terus dan nyata dalam proses komunikasi akan memberi kesan kepada keberkesanan komunikasi.

- Contoh: Gangguan ini adalah seperti gangguan telefon, bunyi mesin, percakapan manusia, bunyi kenderaan dan sebagainya.

2. Psikologikal

- Merujuk kepada halangan yang disebabkan oleh cara berfikir yang berlainan dan tanggapan yang berbeza antara pengirim dan penerima.
- Contoh: Seorang pengurus mencadangkan perubahan dalam kerja untuk meningkatkan kualiti produk. Tetapi pihak kesatuan menjangkakan perubahan kerja ini akan mengurangkan pekerja. Persepsi ini adalah berbeza antara dua kumpulan tersebut.

3. Sosiologikal

- Halangan yang wujud dalam interaksi sosial dan budaya yang berbeza antara ahli-ahli masyarakat. Ia berkaitan dengan budaya, status dan latar belakang sosial ahli-ahli masyarakat.
- Contoh: Seorang pengurus berketurunan barat mengarahkan pekerja yang berketurunan Melayu dengan menggunakan pergerakan badan seperti kaki. Bagi pekerja itu, mesej tersebut dianggap sebagai biadap, manakala pengurus menganggap bahawa perkara biasa di negaranya.

Soalan (h) menghendaki calon menghuraikan dua kaedah mendengar dengan berkesan oleh penyelia semasa menerima laporan daripada pekerjaanya. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan cemerlang dan mendapat markah penuh. Bagi calon yang lemah pula, jawapan yang diberikan adalah terpesong dan memberikan jawapan proses mendengar atau memberikan fakta yang tidak lengkap. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Mendengar secara empati dan objektif
 - Penyelia berusaha untuk memahami dan menghayati perasaan yang dialami oleh penghantar mesej.
 - Penyelia juga menilai maksud mesej yang disampaikan oleh pekerjaanya dengan adil tanpa berat sebelah.
2. Mendengar secara kritikal dan *nonjudgemental*
 - Penyelia dapat menganalisis dan menilai laporan yang diterima.
 - Pada masa yang sama, penyelia perlu cuba untuk mengelak daripada membuat penghakiman yang awal.
3. Mendengar secara cetek dan mendalam
 - Penyelia memberi tumpuan kepada mesej berbentuk lisan.
 - Penyelia mendengar untuk memahami maksud tersurat dalam laporan yang disampaikan.
 - Penyelia juga perlu memahami atau mengupas maksud tersirat laporan tersebut.

Soalan (i) menghendaki calon menghitung sisihan piawai berpandu dengan maklumat data yang diberikan. Terdapat ramai calon memberikan jawapan yang sistematik dengan formula dan jalan pengiraan yang lengkap. Walau bagaimanapun, sebahagian besar calon juga gagal menjawab soalan pengiraan disebabkan tidak mengingati formula. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Purata hasil pekerja A = 785
2. Sisihan piawai pekerja A = 86.89

$$\begin{aligned}
 \text{Sisihan piawai} &= \sqrt{\frac{\sum (a - \bar{a})^2}{N - 1}} \\
 &= \sqrt{\frac{(800 - 785)^2 + (650 - 785)^2 + (750 - 785)^2 + (760 - 785)^2 + (850 - 785)^2 + (900 - 785)^2}{6 - 1}} \\
 &= \sqrt{\frac{225 + 18225 + 1225 + 625 + 4225 + 13225}{5}} \\
 &= 86.89
 \end{aligned}$$



Soalan (j) menghendaki calon menghuraikan dua faktor kecekapan pembuat keputusan yang perlu ada pada seseorang pengurus untuk mencapai matlamat organisasi. Majoriti calon memberikan fakta yang salah, tidak lengkap dan gagal mengaitkan faktor dengan situasi. Namun begitu, terdapat juga calon yang dapat memberikan fakta dengan tepat tetapi gagal menghuraikan dengan baik. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Personaliti
 - Personaliti konservatif sentiasa berhati-hati mengambil keputusan terutama apabila melibatkan risiko tinggi dan cekap membuat keputusan berisiko rendah.
2. Kreativiti
 - Pembuat keputusan boleh mencari idea-idea baharu dengan menggunakan pelbagai kaedah pembuatan keputusan seperti sumbangsaran.
3. Kebijaksanaan
 - Merujuk kepada tahap pendidikan, pengalaman, dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pengurus.

BAHAGIAN B

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon mengaplikasikan analisis *Strength, Weaknesses, Opportunities, and Threats* (SWOT) terhadap KFC Malaysia. Majoriti calon mampu dan berjaya menghuraikan SWOT dan menyenaraikan kaitan kes daripada petikan dengan tepat. Namun, calon gagal menyenaraikan kaitan kes dengan kemas dan tersusun sehingga kaitan kes dan fakta bercampur aduk. Hal ini menyebabkan calon tidak berjaya mendapat markah maksimum atau kehilangan markah. Terdapat juga calon yang gagal memberikan kaitan kes bagi setiap fakta dengan lengkap dan keadaan ini menggambarkan calon kurang kemahiran analisis dan sintesis. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Fakta	Huraian	Kaitan Kes
Kekuatan	Merujuk kepada faktor-persekitaran dalaman sesebuah organisasi yang boleh membantu dalam proses merancang dan melaksanakan strategi	<p>Pengurusan pengeluaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai perkhidmatan yang berkualiti. 2. Memperkenalkan produk baharu yang berasaskan ayam. 3. Mempunyai persijilan halal yang dikawal ketat oleh JAKIM. 4. Kawalan kualiti pembekal. 5. STAR AUDIT. <p>Pengurusan pemasaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai lebih 500 buah rangkaian restoran di Malaysia. 2. Memiliki syer pasaran 40% di Malaysia menjadikan KFC sebagai salah satu peneraju pasaran. 3. Memperkenalkan pesanan atas talian. 4. Harga produk yang berpatutan. 5. Konsep "<i>Meals on Wheels</i>" membolehkan ayam goreng KFC dinikmati di mana sahaja. 6. Khidmat pandu lalu. 7. KFC <i>Delivery</i>.

Fakta	Huraian	Kaitan Kes
		Pengurusan sumber manusia: 1. KFC mempunyai kumpulan pakar dalam Bahagian Kualiti (<i>CHAMPS Recognition Specialists</i>) menunjukkan KFC melatih kakitangan untuk mencapai tahap tinggi. Atribut organisasi: 1. Telah bertapak di Malaysia sejak 1973. Menunjukkan KFC berpengalaman luas dalam aspek perniagaan dan pengurusan.
Kelemahan	Merujuk kepada faktor-faktor dalaman yang ada dalam sesebuah organisasi yang boleh menjadi penghalang kepada proses merancang dan melaksanakan strategi	Pengurusan pengeluaran: 1. Menu makanan adalah ayam goreng – makanan segera.
Peluang	Merujuk kepada faktor-faktor persekitaran luaran yang boleh menyediakan peluang kepada sesebuah organisasi untuk membuat perancangan strategik dengan baik	Ekonomi: 1. Pertumbuhan pasaran industri makanan segera di Malaysia. Sosiobudaya: 1. Peningkatan bilangan golongan muda yang gemarkan makanan segera – cita rasa rakyat Malaysia. 2. Kesuntukan masa juga menjadi antara faktor pengguna menjadikan restoran makanan segera sebagai pilihan mereka. Oleh kerana ibu bapa / suami isteri bekerja. Prasarana: 1. Pertambahan bilangan kenderaan di Malaysia.
Ancaman	Merujuk kepada faktor-faktor luaran yang boleh menggugat rancangan dan pelaksanaan strategi organisasi	Ekonomi: 1. Keadaan ekonomi yang tidak stabil. Persaingan dan jaringan: 1. Pertambahan rangkaian restoran makanan segera yang berkonsep makanan sihat. 2. Pesaing terdekat McDonald's. 3. Persaingan dengan restoran tempatan. 4. Seperti Subway yang telah memasuki pasaran Malaysia dan mempunyai hampir 190 buah rangkaian.

Soalan 3

Soalan 3 menghendaki calon menerangkan lima jenis komunikasi dalam sesebuah organisasi perniagaan. Majoriti calon gagal memberikan fakta dengan tepat dan lengkap, atau gagal memberikan huraian fakta yang dapat menggambarkan kelemahan pengetahuan dan kefahaman calon. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang dapat memberikan fakta dan huraian sahaja, tetapi masih lemah dalam memberikan contoh yang baik dan lengkap. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Komunikasi lisan

1. Perbincangan
 - H: Berlaku dalam kumpulan kerja atau antara kumpulan kerja/individu.
 - C: Perbincangan dalam kumpulan kerja bagi tujuan membuat perancangan atau menyelesaikan masalah.
2. Mesyuarat
 - H: Merupakan komunikasi melibatkan pengaliran dua hala antara ahli kumpulan dalam sesuatu situasi yang formal.
 - C: Setiap ahli mesyuarat mencetuskan idea yang bernas untuk menghasilkan satu keputusan yang terbaik.
3. Ucapan
 - H: Komunikasi sehalu yang melibatkan pengaliran maklumat daripada pemberi maklumat kepada audiens.
 - C: Mesej ucapan kepada pekerja-pekerja adalah untuk memberikan maklumat tentang pekerja, arahan kerja, dasar dan prosedur kerja, dan motivasi kerja.
4. Pembentangan
 - H: Melibatkan komunikasi formal oleh seseorang pembentang kepada pendengar.
 - C: Pekerja membentangkan laporan kepada pihak atasan atau pengurus membentangkan proposal kepada pihak bank atau pembiaya, pemilik syarikat, pembentangan kepada pelanggan, pembekal, kerajaan atau pihak awam.

Komunikasi bukan lisan

5. Visual
 - H: Merupakan komunikasi melalui penggunaan carta graf, gambar, carta aliran atau gambar rajah.
 - C: Majalah dan papan kenyataan.
6. Bertulis
 - H: Merupakan komunikasi melalui penggunaan tulisan atau perkataan dalam bentuk sehalu dan formal.
 - C: Surat-menyurat, memorandum, laporan, buletin, dan e-mel.
7. Bahasa badan
 - H: Merujuk kepada komunikasi bukan lisan atau bukan perkataan (*nonverbal communications*) yang menggunakan anggota badan.
 - C: Hubungan mata, air muka, pergerakan kepala, pergerakan tangan, pergerakan badan, sentuhan, jarak.

Soalan 4 menghendaki calon menerangkan lima konsep pengorganisasian dalam sesebuah organisasi perniagaan. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dari segi fakta khusus dan huraian sahaja tetapi masih lemah dalam memberikan contoh yang sesuai. Terdapat juga calon yang memberikan fakta dan huraian umum yang tidak lengkap. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

Bil	Fakta	Huraian + Contoh
1.	Autoriti	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan kuasa atau hak yang sah pada pengurus bagi membuat keputusan dan membuat arahan. - Pengurus diberi autoriti sebab mereka memerlukan kuasa formal untuk mengarah, mengawal dan menilai subordinat. - Autoriti mengalir dari atas ke bawah. Kedudukan pengurus pada peringkat atas mempunyai autoriti formal yang lebih besar. - Pengurus besar memberi arahan kepada pengurus pertengahan untuk melaksanakan tugas.

Bil	Fakta	Huraian + Contoh
2.	Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> - Kewajipan untuk melaksanakan tugas yang diserahkan atau diamanahkan kepada pekerja. - Pengurus mengarah pekerja untuk melakukan tugas. Pengurus dengan autoriti yang ada padanya bertanggungjawab memastikan pekerja menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna.
3.	Akauntabiliti	<ul style="list-style-type: none"> - Merujuk kepada pekerja yang diberikan autoriti dan tanggungjawab melaporkan hasil kerja mereka kepada pihak atasan dan seseorang itu boleh dipersalahkan sekiranya mereka tidak menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. - Seseorang pekerja yang diberi tanggungjawab akan secara automatik mempunyai akauntabiliti. - Amanah terhadap hasil tanggungjawab yang diberikan itu.
4.	Pemusatan dan pemencaran autoriti	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Pemusatan autoriti</i> merujuk kepada autoriti ditumpukan atau terletak pada peringkat atas organisasi. - Segala keputusan atau arahan hanya datang daripada peringkat atasan. Pekerja tidak diberi peluang untuk bersuara dalam sebarang keputusan yang dibuat. Pemusatan dalam membuat keputusan boleh mengkoordinasi aktiviti-aktiviti dalam organisasi. - <i>Pemencaran autoriti</i> merujuk kepada pengagihan autoriti di mana autoriti diturunkan kepada pihak bawahan dalam hierarki organisasi. - Kakitangan bawahan diberi peluang untuk membuat keputusan dalam sesuatu isu tertentu. Autoriti yang diturunkan pengurus atasan atau jabatan kepada pekerja bawahan dalam lingkungan had tertentu berdasarkan keperluan dan kepakaran individu. Individu yang diberi autoriti akan menggunakannya bagi menyelesaikan masalah kerja.
5.	Penugasan	<ul style="list-style-type: none"> - Merujuk kepada proses penyerahan tanggungjawab dan autoriti kepada subordinat untuk melaksanakan tugas tertentu. - Antara panduan kepada pengurus untuk menjalankan penugasan autoriti yang efektif. <ul style="list-style-type: none"> 1. Pilih subordinat/pekerja yang sesuai untuk diberikan penugasan autoriti. 2. Mengenal pasti tugas-tugas yang akan terlibat dalam penugasan autoriti. 3. Membentuk objektif dan standard kerja yang dipersetujui bersama. - Pegawai atasan yang akan pergi bercuti perlu serah tugas kepada subordinat dalam membuat keputusan.
6.	Empowermen	<ul style="list-style-type: none"> - Merujuk kepada pemberian kuasa, autoriti dan tanggungjawab, kepada subordinat untuk membuat keputusan dalam melaksanakan tugas. - Ia juga bermaksud delegasi tanggungjawab untuk membuat keputusan serta penurunan kuasa yang terkawal. - Pengurusan atasan beri kuasa kepada pegawai bawahan menguruskan bajet dan kewangan di jabatannya dengan garis panduan yang tertentu.

Bil	Fakta	Huraian + Contoh
7.	Autoriti lini dan staf	<p>Autoriti lini</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merujuk autoriti formal yang memberikan hak kepada pengurus untuk mengarah dan mengawal kerja subordinat. - Garisan hitam lurus dalam carta organisasi yang menyambung pihak atas hierarki organisasi dengan pihak di bawah mereka menggambarkan autoriti lini. Ia menunjukkan hubungan ketua dengan subordinat. - Pengurus yang memegang autoriti lini sebagai pengurus lini. Pengurus lini bertanggungjawab menyumbang (aktiviti kerja) secara terus kepada pencapaian matlamat organisasi. - Contohnya, autoriti bahagian sumber manusia. Pengurus yang memegang autoriti ini berhak dalam melakukan aktiviti-aktiviti seperti mengambil pekerja, memecat pekerja, menilai prestasi pekerja dan memberi ganjaran kepada pekerja di bawah seliaan mereka. <p>Autoriti staf</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merujuk kepada pengurus yang mempunyai kepakaran untuk menasihati dan membantu pengurus lini dan lain-lain pengurus dalam organisasi. - Garisan putus-putus yang menunjukkan hubungan secara tidak langsung. - Autoriti staf menyediakan pengkhususan kepakaran tetapi tidak secara terus menyumbang kerja mereka bagi mencapai matlamat organisasi. - Pengurus staf membantu dan menasihati pengurus lini dalam hal-hal tertentu dalam lingkungan kepakaran mereka. - Contoh pengurus staf adalah seperti juruaudit syarikat, pegawai undang-undang syarikat yang terlibat dalam menasihati kewangan syarikat, perundangan, dan keperluan dan peraturan pekerja.
8.	Jangkauan kawalan	<ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan bilangan pekerja yang melaporkan kerjanya secara terus kepada seseorang pengurus. - Terdapat dua bentuk jangkauan kawalan iaitu jangkauan kawalan yang lebar dan jangkauan kawalan yang sempit. <ol style="list-style-type: none"> 1. Jangkauan kawalan yang lebar menunjukkan skop tugas yang lebih luas diagihkan di bawah ramai subordinat dan melaporkan kerja mereka kepada seorang ketua tertentu. 2. Jangkauan kawalan yang sempit menunjukkan hanya beberapa orang subordinat di bawah penyeliaan seorang ketua sahaja.
9.	Rantaian arahan	<ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan aliran arahan daripada pengurus atasan kepada pengurus pertengahan, penyelia dan seterusnya pekerja. - Garisan menegak dalam carta organisasi yang menyambung setiap jabatan atau posisi pekerja menunjukkan rantaian arahan. - Arahan bermula daripada pengurus atasan kepada pengurus bawahan mereka hinggalah kepada pekerja di posisi bawah carta organisasi. Ia membentuk rantaian garisan menegak yang menggambarkan arah autoriti dan aliran komunikasi. - Rantaian arahan juga menerangkan konsep uniti arahan iaitu subordinat hanya perlu mendapat arahan daripada seorang ketua.

PERAKAUNAN (948/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 2 415 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.08% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.91	6.05	13.04	10.60	18.30	13.25	11.93	3.06	3.23	1.99	10.64

RESPONS CALON

KERTAS 948/2 (Perakaunan Pengurusan)

Komen am

Majoriti calon telah membuat perancangan yang baik semasa menjawab soalan. Hal ini demikian kerana calon didapati menggunakan peruntukan masa yang diberikan secara optimum. Bahasa dan istilah yang digunakan dalam soalan juga adalah jelas dan mudah difahami.

Secara keseluruhan, aras kesukaran soalan adalah aras sederhana. Soalan-solan merangkumi aras mudah, sederhana, dan sukar.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghitung kos bahan mentah langsung yang digunakan dalam pengeluaran, kos penukaran, kos barang dijual, belanja jualan dan agihan, belanja pentadbiran, dan untung bersih. Bagi calon yang dapat menguasai takrif dan klasifikasi kos, calon itu dapat menunjukkan penghitungan yang tepat bagi setiap item kos dan untung bersih. Namun begitu, terdapat juga segelintir calon yang gagal memberikan jawapan yang tepat kerana gagal mengambil kira item-item kos yang sepatutnya terlibat dalam penghitungan dan calon juga menggabungkan maklumat yang diberikan dalam satu jadual pengiraan sahaja.

Jawapan yang sepatutnya ialah kos bahan mentah langsung yang digunakan dalam pengeluaran RM140,000, kos penukaran RM410,000, kos barang dijual RM620,000, belanja jualan dan agihan RM130,000, belanja pentadbiran RM100,000, dan untung bersih RM30,000.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon melakarkan graf yang menggambarkan corak kelakuan kos bagi setiap situasi yang diberi. Kebanyakan calon dapat melakarkan graf bagi jumlah belanja susut nilai dan jumlah kos bahan mentah langsung. Namun begitu, kelemahan calon ialah calon tidak dapat melakarkan graf dengan melabel paksi x dan paksi y dengan tepat. Terdapat juga calon yang melakar graf yang tidak menunjukkan kelakuan kos berdasarkan situasi yang dinyatakan. Terdapat juga calon

yang menggabungkan lakaran graf bagi lima situasi yang diberi dalam satu graf sahaja. Calon sepatutnya melakarkan graf bagi situasi (i) graf kos tetap, situasi (ii) graf kos berubah, (iii) graf kos campuran, situasi (iv) graf kos campuran, dan situasi (v) graf kos campuran.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan tiga tujuan pengekosan perkhidmatan. Majoriti calon dapat menyatakan tujuan pengekosan tetapi huraiananya kurang tepat. Jawapan yang sepatutnya calon berikan ialah menentukan fi atau yuran perkhidmatan, mengadakan pengawalan kos, mengukur prestasi perniagaan, dan membuat keputusan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menerangkan maksud kos tersedia dan kos pengendalian berubah bagi industri perkhidmatan dengan bersertakan contoh. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya, kos tersedia ialah kos tetap, contohnya kos buruh atau gaji kakitangan profesional atau separuh profesional, sewa, susut nilai, dan belanja tetap operasi. Kos pengendalian berubah pula ialah kos operasi berubah, contohnya belanja operasi, bayaran profesional jika ada sub kontrak kerja, belanja perjalanan, dan yang lain belanja pentadbiran berubah.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menjelaskan langkah bagi menentukan kos kerja guaman yang ditawarkan oleh JFA Associates. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah mengumpulkan kos fi peguam dan kos tak langsung, menentukan asas pengagihan kos mengikut jam kerja, menghitung kadar fi peguam dan kos tak langsung, dan menentukan jumlah kos guaman mengikut kerja atau pelanggan.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menghitung kadar fi peguam bagi tahun 2016. Majoriti calon yang memilih soalan ini mampu memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kadar fi guaman sejam} &= \frac{\text{RM}124,800}{1,600 \text{ jam}} \\ &= \text{RM}78 \text{ sejam}\end{aligned}$$

Soalan bahagian (c)(iii) menghendaki calon menghitung kadar kos tak langsung bagi tahun 2016. Majoriti calon yang memilih soalan ini mampu memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kadar kos tak langsung sejam} &= \frac{2,640,000}{(1,600 \times 25)} \\ &= \text{RM}66 \text{ sejam}\end{aligned}$$

Soalan bahagian (c)(iv) menghendaki calon menghitung kos guaman bagi mempertimbang untuk membida kerja bagi situasi kes mahkamah Lembah Dingin Berhad, pembangunan projek Syarikat Pemaju Mewah Berhad, dan pembangunan projek Bina Siap Sdn. Bhd. Majoriti calon yang memilih soalan ini mampu memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kos	Lembah Dingin Berhad (RM)	Syarikat Pemaju Mewah Berhad (RM)	Bina Siap Sdn. Bhd. (RM)
Kos langsung: Buruh profesional, RM78 × 120; 150; 100	9,360	11,700	7,800
Kos tak langsung: Sokongan, RM66 × 120; 150; 100	7,920	9,900	6,600
Jumlah kos	17,280	21,600	13,400
Jumlah keseluruhan	52,280		

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan sebab dalam pengekosan marginal, kos perlu diasingkan kepada kos produk dan kos tempoh. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik. Hal yang demikian kerana calon memberikan maksud kos produk dan kos tempoh sahaja dan tidak memberikan jawapan yang sepatutnya. Jawapan yang sepatutnya ialah dalam teknik pengekosan marginal kos produk terdiri daripada kos bahan mentah langsung, kos buruh langsung, dan kos overhed pengeluaran berubah sahaja manakala kos overhed pengeluaran tetap diambil kira sebagai kos tempoh.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan tiga kebaikan teknik pengekosan serapan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Hal ini demikian kerana calon beranggapan bahawa teknik pengekosan serapan hanya dapat menunjukkan untung atau rugi yang lebih tepat sahaja. Jawapan yang sepatutnya tentang kebaikan teknik pengekosan serapan ini ialah kos tidak perlu diasingkan kepada kos berubah dan kos tetap, penilaian inventori lebih tepat, mematuhi prinsip pemadanan hasil dan belanja, dan diterima untuk pelaporan luaran.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung kos seunit dengan menggunakan teknik pengekosan marginal dan teknik pengekosan serapan. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Namun begitu, ada juga calon yang gagal menunjukkan jalan kerja yang sepatutnya bagi menghitung kos seunit. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Kos seunit (Marginal)} &= \text{Bahan mentah langsung} + \text{Buruh langsung} + \text{Overhed berubah} \\ &= \text{RM0.40} + \text{RM1.10} + \text{RM0.70} \\ &= \text{RM2.20} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kos seunit (Serapan)} &= \text{Bahan mentah langsung} + \text{Buruh langsung} + \text{Overhed berubah} + \text{Overhed tetap} \\ &= \text{RM0.40} + \text{RM1.10} + \text{RM0.70} + \text{RM0.40} \\ &= \text{RM2.60} \end{aligned}$$

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dengan menggunakan teknik pengekosan marginal dan teknik pengekosan serapan. Kebanyakan calon tidak mendapat markah yang tinggi bagi soalan ini. Ini adalah kerana calon keliru untuk menghitung overhed tetap pengeluaran lebih serap bagi kedua-dua teknik itu. Jawapan sepatutnya untung bersih dalam penyata pendapatan bagi teknik pengekosan marginal dan teknik pengekosan masing-masing ialah RM41,320 dan RM42,440.

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memperihalkan empat andaian yang digunakan dalam analisis Kos-Volum-Untung (KVVU). Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas, sama ada kaedah persamaan, kaedah margin caruman, kaedah graf, atau kaedah nisbah margin caruman.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan dua kaedah yang boleh digunakan untuk mengira titik pulang modal. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas, iaitu kos tetap dan kos berubah dapat diasingkan, jumlah kos tetap, harga jualan seunit, kos berubah seunit malar, tiada perubahan dalam inventori, dan campuran produk diketahui.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung titik pulang modal (TPM) dengan menggunakan kaedah persamaan. Majoriti calon dapat menjawab soalan dengan tepat. Jawapan bagi TPM (unit) dan TPM (RM) masing-masing ialah 417 unit dan RM16,680.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menghitung untung bagi dua cadangan yang diberi dan memilih cadangan yang akan meningkatkan keuntungan syarikat. Majoriti calon dapat menjawab soalan dengan tepat. Hasil hitungan untung bagi cadangan 1 ialah RM19,800 dan untung bagi cadangan 2 ialah RM20,800. Cadangan 2 dipilih kerana untingnya lebih tinggi daripada cadangan 1.

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memperihalkan empat nilai etika yang perlu diterap dalam analisis varians. Majoriti calon tidak dapat menjelaskan nilai etika dalam analisis varians. Kebanyakan calon memberikan jawapan seperti prinsip perakaunan, jenis-jenis varians, dan jawapan yang tidak relevan dengan nilai etika tersebut. Jawapan yang sepatutnya ialah kompetensi, objektiviti, akauntabiliti, kejujuran, kerahsiaan, dan keadilan. Setiap jawapan ini perlu diperihalkan dan dikaitkan dalam analisis varians.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung varians dan menyatakan sama ada varians itu memuaskan (M) atau tidak memuaskan (TM) bagi (1) varians harga bahan mentah langsung, varians penggunaan bahan mentah langsung, dan jumlah varians bahan mentah langsung dan (2) varians kadar buruh langsung, varians kecekapan buruh langsung, dan jumlah varians buruh langsung. Majoriti calon dapat memberikan jawapan penghitungan ini dengan tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bahan mentah langsung (BML)	
Varians harga	= RM1,350 TM
Varians penggunaan	= RM5,500 TM
Jumlah varians BML	= RM6,850 TM
Buruh langsung (BL)	
Varians kadar	= RM2,600 M
Varians kecekapan	= RM1,400 TM
Jumlah varians BL	= RM1,200 M

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memberikan dua sebab untuk setiap satu varians, iaitu (1) Varians harga bahan mentah langsung tidak memuaskan, (2) Varians penggunaan bahan mentah langsung tidak memuaskan, (3) Kadar buruh langsung yang memuaskan, dan (4) Varians kecekapan buruh langsung tidak memuaskan. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang memberikan jawapan secara bercampur aduk antara situasi varians di atas. Ini menyebabkan calon kehilangan markah kerana tidak menjawab soalan secara teratur dan sistematik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Varians harga bahan TM: harga yang lebih tinggi kerana kualiti yang lebih baik, pembelian yang tergesa-gesa, harga bahan yang naik.
2. Varians penggunaan bahan TM: buruh tidak cekap dalam penggunaan bahan, penyeliaan yang lemah, piawai yang tidak munasabah ditetapkan, kerosakan peralatan.
3. Varians kadar buruh langsung M: menggunakan buruh yang berskil rendah, bekalan buruh yang berlebihan.
4. Varians kecekapan buruh TM: menggunakan buruh yang tidak cekap, penyeliaan yang lemah, tiada latihan kepada buruh menyebabkan ketidakcekapan, piawai yang tidak munasabah, kerosakan peralatan, kualiti bahan yang rendah (banyak pembaziran masa).

MATHEMATICS (M) (950/2)

OVERALL PERFORMANCE

In term 2, 886 candidates sat the examination for this subject and 69.42% of them obtained a full pass.

The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	7.79	5.98	10.95	9.59	12.19	13.21	9.71	4.29	4.06	4.18	18.05

CANDIDATES' RESPONSES

PAPER 950/2

General comments

Based on the answer given, the candidates presented a wide range of mathematical ability. It can be said that the good candidates showed a full understanding of mathematical concepts with nearly perfect working, a systematic analysis of the problems and good planning in their answers.

Candidates gave well-presented answers to familiar questions. In contrast, they showed weaknesses or made mistakes when encountering unfamiliar questions.

Almost all candidates preferred to answer the questions in English.

Comments on individual questions

Question 1

The performance of the candidates was moderate. Some candidates were still unable to calculate the mean and median of a grouped data correctly. Many candidates were unable to construct a correct histogram. Candidates failed to decide a better representation of the measure of central to the distribution.

Answers: (a) Mean = 20.325, Median = 21.576; (b) Median because the distribution is skewed

Question 2

The performance of the candidates was very poor. Majority of the candidates did not attempt this question. The candidates could not understand the question. It was found out that the candidates were weak in the topic of Probability.

Answers: $\frac{759}{1600}$ or 0.474375

Question 3

The performance of the candidates was quite good. Some candidates carelessly used the concept of continuous random variable instead of the discrete random variable to answer this question.

Answers: (a) $\frac{7}{72}$; (b) $\frac{17}{6}$

Question 4

The candidates did quite well on this question. Most candidates got full marks for part (a) but they had some difficulty when time series data was involved. Candidates failed to state which method of forecast was better with a correct reason.

Answers: (a) (i) 0.4857, (ii) 0.7571

Question 5

This question was quite well presented by most of the candidates. This was a straightforward question. Candidates made careless mistakes when applying the wrong formulae.

Answers: (a) $m = 250$; (b) 140.28

Question 6

The performance of the candidates was moderate. Majority of the candidates were unable to plot the two time series graph on the same axes clearly. The candidates also were unable to comment on the two graphs plotted.

Answers: (a) 110.50, 110.83, 111.30, 111.67, 111.43, 110.77, 110.47, 110.90, 111.70, 112.40

Question 7

The performance of candidates was quite good. Not many candidates chose this question. Majority of the candidates forgot to provide the conditions of Binomial approximation to the normal distribution ($np > 5$ and $nq > 5$). Some candidates forgot to use the continuity correction when solving the problem in part (b).

Answers: (a) 8; (b) 0.0304; (c) RM17 600.00

Question 8

Most candidates chose this question. The performance of candidates was quite good but they failed to forecast the profit in part (d).

Answers: (a) 13.64, -3.99 or -3.98, -8.92, -0.74 or -0.73; (b) 21.36, 18.99, 19.92, 22.73, 26.36, 36.99, 37.92, 37.73, 35.36, 25.99, 22.92, 29.73; (c) $T = 21.91 + 0.94t$; (d) RM31.09 thousand

MATHEMATICS (T) (954/2)

OVERALL PERFORMANCE

In term 2, 5 520 candidates sat the examination for this subject and 52.64% of them obtained a full pass.

The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	7.36	5.72	8.93	8.06	7.34	7.68	7.55	4.02	2.12	4.08	37.14

CANDIDATES' RESPONSES

General comments

Most of the candidates wrote their answers in English even though there were spelling mistakes. Generally, the concept and notation for limits were poorly presented.

Good candidates were able to present their answer systematically and they used suitable reasons, descriptions or explanations required by the questions. Their answers were well planned and they wrote the solutions in a systematic way that lead to the answers. They used the exact formula in problem solving and intelligently used the scientific calculator.

Moderate candidates were able to complete some questions and they answered other questions partially. They lacked the depth of understanding to answer fully, especially the parts of questions that required further knowledge and application of the topics. The solutions showed by these candidates were less accurate and a bit messy.

Weak candidates only answered certain part of the questions. Some of them did not know the requirement of the questions. Most of them did not master the basic concept of the most topics. Some solutions were chaotic and meaningless. There were still a large number of candidates who did not have much foundation in mathematics. Many candidates did not answer according to the requirement of the questions especially when there were instruction words such as 'hence' and 'show' in the questions.

In general, good candidates could provide well-presented and well-planned answers in most of the questions. Some candidates could even give alternative ways of solving correctly. For poor candidates, their planning and presentation were of bad quality with missing of '=' symbol, steps or skipped certain working parts. Some candidates used wrong equations or wrong methods. Some candidates totally did not understand the questions and could not solve the questions as requested or even used less than three decimal places while writing the answers.

PENGGAL 2

Comments on individual questions

Question 1

Few candidates managed to state the three different situations for the function $f(x)$ to be discontinuous. Most of them gave one or two conditions only. Some candidates gave the situations in sentence form but they left out the key words “ x approaches a from right/left” in their answers. Some of the candidates did not use inequality signs in the answer for question 1(b). They did not write the answer in the set notation and “0” is not included in their answers. Some candidates used different letter instead of “ a ” in question 1(a).

Answer: (b) $\{k \mid k \neq 0, 2\}$

Question 2

Most of the candidates did not attempt to answer this question because they could not find the relation between r and h as $h = 3r$ using the concept of ratio to find $\frac{dv}{dh}$. Candidates also did not realize that r and h are variables. Besides that, many candidates were not able to show the correct approach mainly due to use of the wrong formula for the volume of cone.

Answers: (a) $\frac{dh}{dt} = \frac{900}{\pi h^2}$; (b) $\frac{dr}{dt} = \frac{1}{3\pi}$; (c) $t = 80\pi$

Question 3

The candidates mostly could get the answer in terms of θ but not many candidates knew how to eliminate θ . Quite a number of candidates used the identity $\cos 2\theta$ wrongly. A few candidates just left the answer in x . Some common mistakes made by the students were not doing full substitution, differentiate $\cos x$ wrongly and used the wrong trigonometry identity.

Answer: $2 \sin^{-1}\left(\frac{x}{2}\right) - \sin\left[2 \sin^{-1}\left(\frac{x}{2}\right)\right] + c$

Question 4

The candidates mostly could get the correct partial fractions and integrate correctly but did not manage to eliminate logarithms appropriately. A few candidates solved it using integrating factor. Common mistakes done by the candidates were eliminating logarithms wrongly and did not express y in terms of x .

Answer: $y = \frac{6}{1 - x^2 e^{6x}} - 3$

Question 5

Most candidates could answer this question. Only a few candidates used the standard Maclaurin series incorrectly and applied the properties of logarithms wrongly. Quite a number of the candidates substituted the correct expansion but left it with power of reciprocal of x . Common mistakes made by the candidates were not using the law of logarithm correctly to transform the quotient as the difference between two logarithms and expansion without ‘+...’. Some candidates also were not able to write $\ln\left(\frac{1-3x}{1+2x}\right)^{\frac{1}{x}}$ as $\frac{1}{x} \ln\left(\frac{1-3x}{1+2x}\right)$. Hence, the candidates could not determine the required limit correctly.

Answer: $-5x - \frac{5}{2}x^2 - \frac{35}{5}x^3 - \dots$

Question 6

Most of the candidates knew how to use the trapezium rule. However, a few of them still confused with the meaning of ordinates. Candidates were very weak in doing integration by parts. The candidates mostly chose the wrong u and dv parts. Majority of the candidates were not able to use integration by parts to show $\int_0^2 \frac{1}{\sqrt{x}} e^{\frac{1}{2}x} dx = \int_0^2 \sqrt{x} e^{\frac{1}{2}x} dx$. There were also a few candidates who used the wrong value of h and did not get good marks for the question. Some candidates calculated y values wrongly either they used the wrong formula or they used calculator improperly. Some candidates also used three decimal places or less in all their calculations which turn to early approximation of value.

Answers: (a) 3.536; (b) 4.152

Question 7

There were very few candidates answered this question. Most of the candidates could not proceed the next working after finding the first derivatives. Even though the candidates who attempted to answer this question could find the first derivative correctly, they were unable to mention the conditions for $\frac{dP}{dt} > 0$. It can be said that many candidates did not choose this question because the function given was quite hard and a little bit tedious to differentiate until second derivative. Less than 10% of the candidates chose this question compared to question 8. For the candidates who answered this question, a few of them managed to secure very high marks. However, they failed to show that both expressions were positive in the second part of the question.

Answer: (c) 80

Question 8

Most of the candidates could find the coordinates of points A and B . Almost half of the candidates got the wrong region and they failed to get the correct area. Since they could not get the correct region, hence, they did not get the correct volume. Besides, the candidates were quite weak in performing integration by part as well as normal integration. Furthermore, they forgot about the identity for $\cos 2x$.

Some candidates only managed to score only 1 mark for part (a) because they missed out for $\cos x = 0$. They did not write points A and B in coordinate form and lost the last mark. Quite a number of candidates scored full marks for part (b). On the other hand, those who did not define the correct area, they lost all the marks for part (b). As for part (c), many candidates scored only 4 marks for correct integration by parts and correct identity since wrong limits were used for volume.

Answers: (a) $A\left(\frac{\pi}{2}, \frac{\pi}{2}\right), B\left(\frac{3\pi}{2}, \frac{3\pi}{2}\right)$; (b) 2; (c) $\frac{5}{4}\pi^2 - 2\pi$

INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (958/2)

OVERALL PERFORMANCE

In term 2, 576 candidates sat for the examination of this subject and 45.49% of them obtained a full pass.

The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	8.68	3.65	6.60	5.90	6.25	5.38	9.03	8.68	3.47	6.08	36.28

CANDIDATES' RESPONSES

PAPER 958/2

General comments

Few candidates were able to construct the full programming solutions especially when involving selection and repetition control structures. Only, a very few were able to produce complete programming solution for a given problem. Most candidates had an adequate knowledge on applying flowchart symbol to represent their solution. There were a few that prefer to present their solution in algorithm. A very high percentage of candidates had attempted to answer each question and almost 50% of candidates were able to provide answers for the programming language questions and show quite good command of C programming language. Most candidates had good command in using flowcharts. Quite a high percentage of candidates were not able to grasp the concept of function in C and the candidates seems did not try make a draft first on the possible answer.

Comments on the individual questions

Question 1

The candidates were required to write a code segment in C that reads the required input calculates and prints the volume of the sphere. The candidates were expected to be able to write code segments of C language which comprised of declarations and initialization of the variables, the use of syntax to read the radius of the sphere, the use of syntax to print the output of the volume of the sphere and the used of correct statements to calculate the volume of the sphere. Most candidates understood the question very well. Most candidates did not have problems to convert the mathematical formula into the C language using the right mathematical operators while some of the candidates were not sure on the use of the data types to define the variables.

PENGGAL 2

Question 2

The candidates were required to write a program in C to count the number of red and blue balls in the bag. Many candidates faced difficulties in understanding the questions. They were not sure on the kind of inputs and how to check on the color of the balls. The candidates were expected to be able to understand the problems, used the correct control structures and write the correct C program for the problem. In short, many candidates did not understand how to go about addressing the problems. Instead of using the total number of 100 balls in the program, they only read the count of both red and blue balls.

Question 3

The intention of this question was to assess the candidate's knowledge in drawing flowchart based on the given contextual problem. Candidates were expected to be able to draw a flowchart for the problem. Each candidate at least got one mark for the introduction part of the flowchart and managed to score at the start and end of the diagram. Many candidates were able to provide the starting and ending symbols of the flowchart. About 50% of the candidates were able to draw the right flowcharts, while, many candidates only get their marks on the Print and Scan commands. However, there were a few candidates who were capable to draw a complete flowchart thus obtained full marks.

Question 4

The intention of this question was to assess the candidate's knowledge in declaring a one-dimensional array, initialize values for the arrays and finally to declare a two dimensional array. The candidates should be able to declare and initialize a one or two-dimensional arrays either for text or values. Most candidates were able to answer the question and scored full marks. However, there were candidates who could not answer the question at all. Many candidates were not sure on how to initialize array for the character strings.

Question 5

The intention of the questions was to define and use a structure definition statement in C. The candidates should be able to declare a structure definition statement in C for `footBallPlayer` that contains elements. The candidates should be able to store values in the defined array and they should be able to declare an array `player` with six element of type `struct footBallPlayer`. Few candidates were able to gain full marks for this question and many candidates failed to answer these questions correctly as the candidates' answers were incorrect.

Question 6

The intention of the question was to assess the candidates knowledge on how to solve the problem for the given question which act as a time calculator that converts seconds to corresponding hours, minutes and seconds. The candidates should be able to understand the knowledge on the conversion. They should be able to use their mathematical knowledge on how to convert the seconds into hour and minutes by applying the C language syntax to get the answers. This question was one of the optional question. Hence, not many candidates choose this question. Many candidates did not seems to know how to convert from seconds into hours and minutes. Even if they knew how to convert it, they did not use appropriate symbols to get the answers. Since this question required the candidates to draw flowchart, many of them were able to get marks from the symbol of start and end diagram, from the read time diagram and lastly from the printing diagram.

Question 7

The intention of this question was to assess the candidates knowledge on an array. They should be able to use the values in array and by using the values they could manipulate the value whether to calculate or to compare with other elements. The candidates should be able to get the values from the array, calculate the values and find the average of the values and they should be able to count the number of array elements that has the value less than the average from the above calculations. The candidates should be able to compare the values for each elements and compared if they had the same value as the average value. Many candidates attempted to answer this question because the problem was quite straight forward. However, many did not get full marks because they provided syntax errors. Some candidates were able to get values from the array with the right syntax but some of them could not use the right syntax as how to read the data from array and manipulate the values. Several candidates seem to get marks from some statements in the program such as the printing and initialization parts.

PENGGAL 2

PHYSICS (960/2)

OVERALL PERFORMANCE

In Term 2, 2 536 candidates sat the examination for this subject and 59.51% of them obtained a full pass.

The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	8.04	5.80	5.17	4.65	11.32	12.54	11.99	5.80	5.52	4.97	24.20

CANDIDATES' RESPONSES

SECTION A: Multiple-Choice

Answer Keys

Question number	Key	Question number	Key	Question number	Key
1	C	6	C	11	D
2	A	7	B	12	D
3	D	8	B	13	A
4	C	9	D	14	A
5	A	10	B	15	C

PENGGAL 2

General comments

More than 70% of the candidates answered Questions 1, 5, and 6 correctly. The rest of the answers fell in the medium range with 30% to 70% of the candidates obtained the correct answers.

SECTIONS B AND C: Structure and Essay

General comments

